

Penjaraikan fizikal



Pakai pelitup muka



Pencucian tangan dengan sabun

Perhatikan gejala COVID-19



SEPTEMBER 16 - 30, 2020



PENANG  
2030

# BULETIN MUTIARA



[www.buletinmutiara.com](http://www.buletinmutiara.com)



buletinmutiara | ChowKonYeow



chowkonyeow



@ChowKonYeow

PERCUMA

## Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang

# RM155.5 JUTA

### kepada golongan terkesan

Oleh : SUNARTI YUSOFF

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri baru-baru ini meluluskan Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.1 berjumlah RM4.5 juta bagi mengaktifkan kembali sektor ekonomi negeri yang terjejas akibat penularan pandemik COVID-19.

Pengumuman peruntukan terbaru itu menjadikan jumlah keseluruhan pakej bantuan kepada golongan terkesan ekoran penularan wabak pandemik setakat ini adalah berjumlah RM155.5 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa pakej bantuan ketiga berkaitan adalah memfokuskan enam kumpulan sasaran bagi melancarkan kembali aliran tunai serta mengurangkan kos operasi dalam tempoh pemulihan ekonomi akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

“Pakej bantuan ini adalah bermatlamat memberikan bantuan segera kepada golongan paling terkesan selain membolehkan kelangsungan perniagaan bagi memastikan ekonomi negeri terus dibangunkan pada pasca PKP.

“Selain itu, ia juga adalah untuk mengupayakan golongan pekerja supaya dapat berdiri semula dan meneruskan usaha menjaga diri, keluarga serta membangunkan negeri melalui produktiviti,” katanya pada sidang media yang turut dihadiri barisan Exco Kerajaan Negeri di sini 26 Ogos lalu.

Kon Yeow memberitahu bahawa antara yang diberikan melalui Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.1 adalah insentif input pertanian bernilai RM400 kepada 1,142 petani berdaftar dengan Jabatan Pertanian Negeri.

“Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri akan mengagihkan input pertanian kepada petani seperti baja organik

diperkaya atau benih tanaman untuk mengusahakan penanaman sayur, buah tidak bermusim, kontan serta tanaman industri yang secara langsung terjejas akibat penularan COVID-19,” ulasnya.

Selain itu, menurut beliau, bantuan khas kewangan bernilai RM500 *one-off* juga akan diberikan kepada 439 pengusaha kantin sekolah bagi semua kategori sekolah yang berdaftar di negeri ini.

“Syarikat penganjur acara (*event management*) di negeri ini juga akan diberikan bantuan khas kewangan sebanyak RM500 secara *one-off* yang dianggarkan bakal memanfaatkan seramai 100 pengusaha terlibat.

“Bantuan kali ini juga turut disalurkan kepada 1,771 Pertubuhan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) berdaftar yang mana masing-masing bakal menerima bantuan khas kewangan berjumlah RM1,000 secara *one-off*,” jelasnya.

Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri juga memberikan bantuan khas kewangan bernilai RM500 *one-off* kepada 3,996 pertubuhan atau persatuan yang aktif dan berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS) di negeri ini.

“Sebagai tambahan, bantuan khas kewangan RM500 *one-off* juga akan diberikan kepada 150 pengusaha penjual akhbar dan buku di negeri ini.

“Semua permohonan bagi pakej bantuan kewangan ini adalah melalui portal rasmi Kerajaan Negeri Pulau Pinang, [www.penang.gov.my](http://www.penang.gov.my) yang boleh dibuat mulai 28 Ogos 2020 dan bantuan akan disalurkan dengan kadar segera selepas permohonan diterima.

## PAKEJ BANTUAN RAKYAT PULAU PINANG 2.1



### JUMLAH KESELURUHAN: RM4.5 JUTA

#### RM400



Insentif Petani

#### RM500



Pengusaha Kantin Sekolah

#### RM500



Syarikat Penganjur Acara

#### RM1000



Pertubuhan Rumah Ibadat Bukan Islam

#### RM500



Persatuan/Pertubuhan Yang Aktif

#### RM500



Pengusaha Penjual Akhbar & Buku

SENARAI kumpulan penerima di bawah Pakej Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.1 yang diumumkan baru-baru ini.

“Justeru, Kerajaan Negeri berharap agar bantuan ini dapat sedikit-sebanyak membantu

golongan yang terkesan untuk meneruskan aktiviti-aktiviti mereka,” ujarnya.

# Adaptasi teknologi digital, normal baharu pendidikan

Oleh : AINUL WARDAH SOHILLI  
Gambar : ALISSALA THIAN

**GEORGE TOWN** — Cabaran pandemik COVID-19 telah mengubah landskap pendidikan negara sama ada di peringkat pengajian tinggi maupun di bangku sekolah.

Tindakan pantas perlu diambil dalam mencorak langkah penyesuaian dan penyelesaian sejajar dengan perkembangan teknologi terkini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow mengakui bahawa penularan pandemik COVID-19 banyak mengubah proses pengajaran serta pembelajaran yang mana penggunaan teknologi digital diadaptasi sepenuhnya dalam pendidikan.

“Di Pulau Pinang, kita juga tidak mempunyai pilihan lain sebaliknya menguasai gelombang Revolusi Industri 4.0 yang merangkumi Analisis Data Raya (*Big Data Analytics*), Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*), E-Dagang, Penyumberan Khalayak (*Crowd Sourcing*) dan Internet Benda (*Internet of Things*).

“Sebelum inipun, Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukan sebanyak RM3.24 juta bagi menubuhkan *MakerLab* di 89 sekolah (65 sekolah rendah dan 24 sekolah menengah) di negeri ini, sekaligus membuka peluang dan pendedahan kepada generasi muda terhadap bidang sains dan teknologi tinggi.

“(Dan) inilah normal baharu yang perlu kita semua hadapi serta

adaptasi dalam menangani cabaran krisis kesihatan paling dahsyat,” ujarnya ketika menyampaikan ucptama pada Majlis Anugerah Pelajar Cemerlang STPM Dan SPM Tahun 2019 Peringkat Negeri Pulau Pinang di sini 6 Ogos lalu.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman; Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy; Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh serta Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato’ Abdul Halim Hussain.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng; ADUN Bagan Dalam, M. Satees serta wakil daripada Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) dan sekolah-sekolah antara yang turut hadir dalam majlis berkaitan.

Menariknya, buat julung kali, majlis anugerah pelajar cemerlang diadakan tanpa kehadiran para pelajar.

“Ini adalah salah satu langkah pencegahan penularan wabak COVID-19 yang diambil oleh Kerajaan Negeri yang mana kita (Kerajaan Negeri) sentiasa berwaspada dan mengambil langkah berjaga-jaga bagi mengelak sebarang gelombang baharu pandemik tersebut,” kongsi Kon Yeow yang turut menyuruh agar semua pihak mengambil langkah

sama dalam memerangi penularan COVID-19.

Pada kesempatan itu juga, Kon Yeow turut menzahirkan penghargaan kepada warga pendidik yang menunjukkan kegigihan dan dedikasi dalam memastikan setiap anak didik mendapat ilmu dengan penerapan nilai-nilai murni yang dapat membentuk sahsiah dan jati diri para pelajar pada masa hadapan.

“Jutaan terima kasih juga diucapkan kepada para ibu bapa yang menjadi tulang belakang kejayaan anak-anak pada hari ini.

“Kepada semua pelajar, hargailah setiap keringat ibu bapa anda demi memastikan kejayaan anda pada hari ini dan hari-hari mendatang kelak.

“Harapan saya, agar kita semua akan terus bersama-sama mencipta dan mengukir kejayaan dalam semua bidang demi meletakkan nama Pulau Pinang di persada dunia selaras visi Penang2030: Negeri Pintar dan Hijau Berteraskan Keluarga Inspirasi Negara,” zahirnya.

Dalam pada itu, Ramasamy ketika menyentuh mengenai cabaran pendidikan masa kini yang boleh dimanfaatkan melalui penggunaan teknologi digital berkata bahawa perancangan awal perlu diambil dalam memastikan proses pengajaran serta pembelajaran dapat diteruskan.

“Semasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan, salah satu cabaran yang dihadapi dalam proses pengajaran serta pembelajaran adalah guru-guru dan pelajar tidak bersedia.



**KETUA MENTERI** sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan wakil-wakil sekolah terlibat menyempurnakan majlis penyampaian cek cura kepada wakil JPNPP sebagai saguhati kepada pelajar-pelajar cemerlang STPM dan SPM bagi tahun 2019 di sini baru-baru ini.

“Keduanya adalah kekurangan peranti seperti komputer dan sebagainya termasuk capaian internet yang terhad.

“Faktor-faktor ini telah menjadikan proses pengajaran serta pembelajaran sebagai suatu cabaran baharu yang perlu dihadapi.

“(Dan) pastinya pandemik COVID-19 telah membuka ruang baharu yang boleh dimanfaatkan oleh semua termasuk warga pendidik,” katanya yang juga merupakan Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan, Pembangunan Modal Insan dan Sains, Teknologi & Inovasi.

Terdahulu, Kon Yeow yang diiringi oleh Ramasamy menyerahkan cek cura bernilai RM205,500 kepada wakil JPNPP sebagai saguhati kepada 251 pelajar cemerlang Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) dan 80 pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) bagi tahun 2019.

Jumlah tersebut merangkumi insentif bernilai RM1,000 kepada setiap pelajar cemerlang STPM dan insentif RM500 kepada setiap pelajar cemerlang SPM. Turut menerima insentif sama ialah 10 pelajar cemerlang di bawah kategori pelajar istimewa bagi kedua-dua peperiksaan berkaitan.

Dalam majlis sama, Sekolah Menengah Jenis Kebangsaan (SMJK) Jit Sin, Bukit Mertajam diumumkan sebagai penerima Anugerah Sekolah Terbaik bagi SPM tahun 2019 diikuti oleh Sekolah Menengah (SM) Sains Tun Syed Sheh Shahabudin, Bukit Mertajam (ketua) dan SM Sains Kepala Batas (ketiga).

Manakala bagi STPM pula, SMJK Jit Sin sekali lagi diumumkan sebagai Sekolah Terbaik diikuti oleh SMJK Chung Ling, Butterworth (kedua) dan SMJK Chung Hwa Confucian, George Town (ketiga).

## Ambil kira impak COVID-19, unjuran kutipan zakat dikurangkan 10 peratus

**GEORGE TOWN** — Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang (ZPP), Amran Hazali berkata bahawa RM134 juta sasaran asal kutipan bagi tahun 2020 akan diunjurkan semula dengan pengurangan 10 peratus, setelah mengambil kira kesan berantai daripada pandemik COVID-19 di luar jangkaan semua pihak.

Pun begitu, beliau memberitahu bahawa jumlah permohonan bantuan zakat dijangka terus meningkat sungguhpun Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) dijadual sehingga akhir tahun ini.

“Unjuran asal yang kita (ZPP) sasar pada tahun ini adalah sebanyak RM136 juta, tetapi oleh kerana COVID-19 ini, kita (ZPP) mendapat corak serta arah aliran kutipan adalah agak perlakan.

“Jadi, setelah mendapat persetujuan daripada Lembaga Pengarah, maka kita (ZPP) terpaksa menyemak semula (unjuran) yang kita (ZPP) sasar pada (angka baharu

iaitu) RM122.4 juta... menyamai penurunan kira-kira 10 peratus.

“Walaupun demikian, kita (ZPP) berharap kutipan dapat melebihi jangkaan, kerana ZPP telah meningkatkan sedikit hasil kutipan zakat (kini),” jelasnya dalam sidang media bersama-sama Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman selepas Majlis Hi-Tea dan Serahan Zakat Korporat di sini pada 27 Ogos 2020.

Menurut Amran, jumlah permohonan bantuan zakat sehingga bulan Jun lepas adalah meningkat hampir sekali ganda berbanding tempoh sama pada tahun 2019.

“Kalau sebelum ini agihan melibatkan 24,000 penerima (zakat), tetapi sehingga bulan Jun 2020 telah mengagihkan bantuan zakat melibatkan lebih 42,000 penerima.

“RM15.1 juta telah dibelanjakan khusus untuk Paket Bantuan COVID-19 sahaja... (namun) ZPP masih berwaspada kerana situasi mungkin berubah

selepas tamatnya tempoh moratorium pada bulan September.

“Agihan kemungkinan akan meningkat selepas bulan September nanti,” ujarnya sambil menganggap pandemik COVID-19 telah melahirkan ‘kemiskinan situasi’ bersifat sementara dalam kalangan umat Islam.

Sebelum itu, Ahmad Zakiyuddin yang juga Yang Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) menyatakan bahawa ZPP belum ada cadangan bagi memohon dana khas daripada agensi Persekutuan untuk membantu umat Islam di negeri ini, sungguhpun perkara berkaitan menurut Perlembagaan adalah di bawah Senarai Persekutuan.

“Setakat ini, tidak ada dibincangkan,” responsnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat.

Takaful Berhad; QSR Brands; Bank Muamalat Malaysia Berhad; Rural Capital Berhad dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA).



Oleh: AZMI HUSSIN

# Pulau Pinang memacu pelaburan negara

Oleh : SUNARTI YUSOFF

Gambar : AHMAD ADIL MUHAMAD

**BUKIT TAMBUN** - Sebagai sebuah negeri bergelar 'Lembah Silikon Timur', Pulau Pinang memainkan peranan penting dalam memacu pelaburan negara.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bagi suku pertama tahun ini (Q1 2020), Pulau Pinang mencatatkan pelaburan dalam sektor pembuatan yang diluluskan sebanyak RM7.1 bilion meskipun berdepan persekitaran makroekonomi yang mencabar.

"Aliran masuk dalam tempoh tiga bulan ini adalah bersamaan dengan 42 peratus jumlah keseluruhan pelaburan pembuatan dicatatkan pada tahun lepas.

"Daripada jumlah berkaitan, RM6.8 bilion adalah daripada pelaburan langsung asing (FDI) yang menjadi penyumbang terbesar FDI di negara ini iaitu kira-kira 64 peratus bagi suku pertama tahun ini.

"Ini bermakna Pulau Pinang telah menunjukkan prestasi yang sangat memberangsangkan dalam menarik pelabur walaupun kita hanya sebuah negeri kecil," katanya pada sesi dialog anjuran *Association of Malaysian Medical Industries* (AMMI) bersama-sama Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Zafrul Tengku Abdul Aziz dan pemain-pemain industri utama dekat kilang *Boston Scientific* di sini 8 Ogos lalu.

Turut serta, Pengarah investPenang



**KETUA MENTERI** bersama-sama Tengku Zafrul Tengku Abdul Aziz (dua dari kiri), Dave Mitchell (kiri sekali) dan dif-dif jemputan merakam gambar kenangan di ruang utama syarikat **Boston Scientific** bersempena lawatan khas yang diadakan di sini baru-baru ini.

(iP) merangkap Penasihat Pelaburan Khas kepada Ketua Menteri, Dato' Seri Lee Kah Choon; Ketua Pegawai Eksekutif iP, Dato' Loo Lee Lian; Naib Presiden/Pengurus Besar Pembuatan dan Pengedaran Malaysia bagi *Boston Scientific*, Dave Mitchell; wakil-wakil industri serta ramai lagi.

Walau bagaimanapun, kata Kon Yeow, penularan wabak pandemik COVID-19 telah menyebabkan prestasi pelaburan negara menjadi sedikit perlana selepas pelaksanaan

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada Mac lalu.

"Justeru, kita berharap agar kerajaan dapat meneliti perkara ini supaya semua industri mampu keluar daripada kesan wabak ini secepat mungkin," ujarnya.

Mengulas lanjut, Kon Yeow turut mencadangkan agar Kerajaan Persekutuan merangka dasar yang lebih menyeluruh bagi menarik pelabur asing untuk melabur semula di negara ini sekaligus menjadikan Malaysia

khususnya Pulau Pinang sebagai destinasi pilihan utama untuk para pelabur.

"Saya percaya Menteri Kewangan juga setuju bahawa untuk mendapatkan pelaburan semula adalah lebih sukar berbanding mencari pelabur baru.

"Oleh itu, saya berpendapat bahawa kerajaan perlu fokus kepada perkara ini dan mencari penyelesaian terbaik untuk menarik pelabur agar melabur semula di negara ini," jelasnya.

Dalam pada itu, Tengku Zafrul berkata bahawa pihaknya akan bertemu dengan pemain-pemain industri bagi mencari penyelesaian terbaik untuk memulihkan keadaan ekonomi yang terkesan akibat penularan wabak COVID-19.

"Kita akan bincangkan beberapa strategi untuk meneliti kerjasama yang boleh dijalankan antara satu sama lain bagi mengatasi kesan daripada penularan wabak ini secepat mungkin," ulasnya.

Terdahulu, Kon Yeow diberi taklimat khas berkaitan operasi syarikat, fasiliti, pengeluaran peralatan oleh syarikat pembuatan peralatan perubatan, *Boston Scientific* sebelum mengadakan sesi dialog bersama-sama pemain industri.

Lawatan kira-kira tiga jam itu ditamatkan dengan sesi libat urus pemulihan ekonomi Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER) melalui penjanaan pekerjaan dan peniagaan bersama-sama penggiat industri utama dekat ibu pejabat NCER, Bukit Minyak di sini.

## Ladang vanila pintar pertama negara di Pulau Pinang

**PENANTI** - Ladang vanila diusahakan syarikat *Kairos Agriculture*, secara pintar menggunakan teknologi seperti Internet Benda (*Internet of Things*, IoT) dekat Taman Agro Permatang Pauh merupakan yang pertama seumpamanya di negara ini.

Mengulas lanjut, Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berharap pembukaan ladang pintar seluas dua ekar tersebut akan menarik lebih ramai pihak lagi ke negeri ini untuk menghasilkan pertanian jenis bernilai tinggi.

"Pulau Pinang dengan saiz tanah yang kecil... menerusi penggunaan teknologi, kita (Kerajaan Negeri) berharap dapat membantu golongan usahawan tani menghasilkan tanaman bernilai tinggi.

"Perkara paling penting adalah penggunaan aplikasi teknologi dalam pertanian, dan pada hari ini adalah berkaitan tanaman vanila secara perludangan pintar.

"Jadi, (aktiviti keusahawanan *Kairos Agriculture*) ini adalah sebuah ladang pintar yang pertama," jelasnya dalam sidang media selepas menyempurnakan acara perasmian pembukaan Ladang Vanila Pintar Pertama Malaysia di sini pada 15 Ogos 2020.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar

Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Penanti serta jurucakap *Kairos Agriculture* iaitu Pengarah Urusan Jubli Rebak Sdn. Bhd., Ezara Tan Koon Hock turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain; Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng; ADUN Kebun Bunga, Jason Ong Khan Lee; Ahli Parlimen Permatang Pauh, Nurul Izzah Anwar merangkap 'ADUN Angkat' Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Seberang Jaya; Timbalan Pengurus Besar Unit Perbadanan Ketua Menteri (CMI), S. Bharathi dan Pengarah Jabatan Pertanian Negeri, Muhamimin Ibrahim.

Menurut Kon Yeow, Kerajaan Negeri melalui CMI ketika ini mempunyai tanah untuk tujuan perusahaan pertanian seluas kira-kira 22 ekar tanah di Taman Agro Permatang Pauh.


"Penggunaan teknologi dalam pertanian seperti disebut Dr. Norlela adalah suatu agenda yang kita (Kerajaan Negeri) Pakatan Harapan Pulau Pinang) ingin majukan.

"Jadi, peranan Kerajaan Negeri sebagai pemudah cara, dengan saiz tanah yang sedikit kita (Kerajaan Negeri) akan bekerjasama dengan usahawan," ujarnya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi.

Selain itu, beliau berkata bahawa pandemik COVID-19 yang turut dihadapi penduduk Pulau Pinang menjadi 'peluang' untuk mempercepatkan proses pendigitalan untuk sektor pertanian negeri.

Dalam pada itu, Koon Hock menyatakan bahawa penanaman pokok vanila secara pintar di atas tanah berkeluasan dua ekar dapat membawa pulangan kasar kira-kira RM1.5 juta tiap-tiap tahun.

"Sekarang, teknologi (IoT) yang kami (*Kairos Agriculture*) gunakan adalah sistem perairan, dan pada masa sama, kami



**PERUSAHAAN** ladang vanila yang diusahakan:

pantau suhu terlalu panas atau tahap pertumbuhan terlalu rendah, sistem pengairan ini akan berfungsi secara automatik.

"Di atas tanah seluas dua ekar ini, ada kira-kira lapan ribu keratan batang pokok, ia mengambil masa dalam dua setengah tahun untuk tumbuh bunga, lagi sembilan bulan untuk berbuah (untuk kali pertama sebelum proses tuaian).

"Selepas itu, tiap-tiap tahun, ia akan berbuah," ulasnya.

Di samping itu, Koon Hock turut memberitahu bahawa *Kairos Agriculture* dalam perancangan untuk membuka ladang vanila pintar kedua negara di negeri Sarawak.

"Kami (*Kairos Agriculture*) akan eksport (abstrak) vanila ke Jepun, dan telah ada satu syarikat di sana yang memeterai perjanjian dengan kami.

"Pada masa sama, kami meneroka pasaran domestik, selepas kajian mendapati ada pasaran sebesar RM1 juta setahun.

"Sebab itu, kami telah ada jenama sendiri untuk dipasarkan dalam negeri...akan dipasarkan melalui Shopee tidak lama lagi," katanya.

Sebelum pada itu, Kon Yeow ketika berucap turut mengumumkan kelulusan permohonan empat lagi tanah milik CMI kepada syarikat *Kairos Agriculture* untuk tujuan perludangan pintar tanaman vanila serta sayur-sayuran lain secara organik.



**KETUA MENTERI** sambil ditemani Ezara Tan Koon Hock (kanan sekali) meneliti tumbuhan vanila bersempena Majlis Perasmian Pembukaan Ladang Vanila Pintar Pertama Malaysia di sini baru-baru ini.

# Pasca PKP: Usahawan kecil dilatih jana pendapatan keluarga

Oleh : ZAINULFAQAR YAACOB  
Gambar : ADLEENA RAHAYU  
AHMAD RADZI

**PULAU BETONG - NOON HASAN**, 63, antara 71 peserta yang menyertai Program Perkasa Usahawan Daerah Barat Daya anjuran Pejabat Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain dekat Balai Rakyat Balik Pulau Pinang di sini pada 9 Ogos lalu.

Menurut beliau, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan sejak 18 Mac 2020 dahulu telah menjelaskan pendapatannya sekeluarga.

Justeru, bagi Noon, program pendidikan keusahawanan sebagaimana dianjurkan oleh Kerajaan Negeri adalah sangat penting kepada beliau yang baru memulakan perniagaan jenis sayur-sayuran.

"PKP baru-baru ini telah menjelaskan sektor pelancongan, jadi anak-anak dan menantu saya yang kerja di pantai pun hilang terus pendapatan mereka.

"Oleh kerana ada sedikit tanah, saya sekeluarga mula bercucuk tanam pelbagai jenis sayur seperti bendi, timun dan kangkung, jadi saya mengambil peranan menjual hasil tanaman di depan pasar Teluk Bahang.

"Saya ini dah bergelar warga emas, jadi sekadar membantu anak-anak sahaja," jelasnya ketika ditemui pada penganjuran berkaitan.

Noon turut merakamkan

penghargaan kepada pejabat Abdul Halim kerana menghadiahkan khemah niaga 10' X 10' kepada peserta program usahawan tersebut.

Seorang lagi penerima, **SALEHUDDIN AHMAD**, 54, menyatakan bahawa pelaksanaan PKP telah memaksa beliau mengubah jenis perniagaan nasi lemak di pasar malam kepada menjaja mi di Simpang Empat, Balik Pulau.

Justeru, menurut Salehuddin, latihan keusahawanan serta bantuan Kerajaan Negeri berupa khemah niaga 10' X 10' adalah begitu diperlukan.

"Sebelum PKP ini, saya menjual nasi lemak.

"Apabila berlaku PKP, pasar malam juga tak boleh beroperasi dulu, **SALEHUDDIN Ahmad**. Saya tukar pula dengan bermiaga mi.

"Dengan pemberian khemah niaga ini, alhamdulillah, dapatlah menggantikan khemah yang telah rosak," ujarnya kepada Buletin Mutiara.

Sebelum itu, Abdul Halim ketika berucap antara lain memberitahu bahawa dua sesi program usahawan dilangsungkan di peringkat Daerah Barat Daya pada hari berkaitan.

"Sebanyak lima agensi kerajaan diturunkan untuk melatih peniaga-peniaga kecil, iaitu *Penang Halal International*, Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Suruhanjaya Syarikat



**ABDUL Halim Hussain (kiri sekali)** menyampaikan sumbangan khemah kepada **Noon Hasan (kanan sekali)** pada penganjuran Program Perkasa Usahawan Daerah Barat Daya di sini baru-baru ini.

Malaysia (SSM), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Jabatan Pelesenan, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

"Khemah 10' X 10' ini, kita (Kerajaan Negeri) beri kepada golongan yang telah ada perniagaan secara kecil-kecilan terutama kepada mereka yang terjejas daripada sudut pendapatan keluarga, akibat PKP.

"Manakala, sesi latihan keusahawanan dengan penglibatan lima agensi yang diatur adalah sebagai pendedahan serta sesi latihan supaya golongan berkaitan dapat merebut peluang memohon skim-skim bantuan serta sebagainya untuk mengembangkan

lagi operasi keusahawanan masing-masing.

"Selpas lima tahun ini, saya harap, saiz perniagaan para peserta yang mengikuti program usahawan tidak kekal kecil, bukan lagi di bawah khemah bersaiz 10' X 10' ini, tetapi berkembang besar kerana adanya pelbagai program sokongan daripada Kerajaan Negeri hari ini," ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung.

ADUN Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail dan Pegawai Daerah Barat Daya, Mohd. Hafiz Aswad Nadzri turut berucap pada majlis yang dilangsungkan mengikut prosedur operasi standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian (PKPP) berkenaan.

## Pematuhan SOP, kurang risiko perebakan wabak

**BERTAM** - Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman berkata bahawa pihaknya berpuas hati dengan komitmen semua pihak berkepentingan dalam mematuhi prosedur operasi standard (SOP) berwajib yang dikeluarkan sempena sambutan Hari Raya Aidiladha baru-baru ini.

Beliau berkata demikian selepas acara menyampaikan sumbangan seekor lembu sempena Musim Hari Raya Korban kepada Kelab Kebajikan dan Sukan (KESEPADU) Pejabat Daerah Dan Tanah Seberang Perai Utara (SPU) di sini pada 4 Ogos 2020.

Sumbangan tersebut diserahkan sendiri kepada Ketua Penolong Pegawai Kanan SPU, Rosmin Yaakob.

"Ini, cuma program sumbangan untuk kelab kakitangan supaya dapat mengeratkan lagi kerjasama antara kedua-dua pihak, kenduri sempena Hari Raya Korban.

"Kita, seluruh negeri Pulau Pinang ini masih dalam PKPP



**IR. AHMAD ZAKIYUDDIN ABDUL RAHMAN (tiga dari kiri)** menyempurnakan gimik penyampaian sumbangan kepada **Rosmin Yaakob (tiga dari kanan)** di sini baru-baru ini.

(Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihian), ada peraturan dan SOP yang dikeluarkan oleh Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAINPP) di sini pada 4 Ogos 2020.

"(Sempena musim perayaan Aidiladha,) memang ada pemantauan serta penguatkuasaan oleh pihak polis dengan kerjasama MAINPP (Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang) dan JAINPP.

"Dengan Jawatankuasa Kariah Masjid, juga surau dapat melaksanakan semua SOP itu,

insyaAllah dapat mengurangkan risiko perebakan wabak COVID-19 ini lagi," jelasnya yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat.

Selain itu, beliau yang juga Yang Dipertua MAINPP memberitahu bahawa Jawatankuasa Keselamatan Khas Negeri (JKKN) telahpun membenarkan masjid serta surau beroperasi pada kapasiti penuh, ketika PKPP.

Justeru, bagi Ahmad

Zakiyuddin, masjid dan surau telahpun mempunyai pendapatan seperti biasa untuk dimanfaatkan bagi keperluan berwajib termasuk melaksanakan kerja-kerja nyah kuman di dewan solat masing-masing.

"Pada awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), pertengahan bulan Mac lepas, Zakat Pulau Pinang (ZPP) memang ada mengeluarkan peruntukan khas kira-kira RM305,600 untuk tujuan bantuan pembersihan nyah kuman di masjid dan surau.

"Waktu itu, masjid serta surau semuanya ditutup, maka tidak ada pendapatan kalau jawatankuasa kariah nak menanggung kos nyah kuman dan sebagainya.

"Sekarang, masjid serta surau dapat dibuka semula dan dapat balik sumbangan orang ramai, maka, kita harap dapat menyediakan suatu peruntukan khusus untuk meneruskan kerja-kerja nyah kuman ini," ujarnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal.

'Central Kitchen' demi puhi pesanan dalam talian

**BAYAN LEPAS** - Pandemik COVID-19 serta pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak 18 Mac lalu bukan sahaja menjelaskan hidup golongan berpendapatan 40 peratus paling rendah (B40), bahkan turut mendorong mereka bermiaga masakan enak dari rumah dalam kuantiti yang begitu banyak demi memenuhi permintaan pesanan makanan dalam talian yang kian meningkat.

Susulan itu, Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata bahawa pihaknya akan mempertimbangkan cadangan beberapa pihak usahawan kecil dari rumah terbabit untuk mewujudkan Dapur Berpusat atau 'Central Kitchen' di kawasan terpilih.

"Kerajaan Negeri sejak 14 Mac (2020) telah melancarkan Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang bernilai kira-kira RM155.5 juta antaranya dalam pelbagai bentuk bantuan termasuk kepada usahawan dan penjaja kecil.

"Yang hilang pendapatan ketika PKP, kebanyakan memulakan dengan bermiaga makanan dengan masak dari rumah, untuk memenuhi pesanan secara dalam talian... sambutan begitu menggalakkan.

"Sesetengah tempat mungkin memerlukan 'Central Kitchen' yang mana ada suatu tempat khas untuk mereka masak dan proses penghantaran pesanan dalam talian dibuat dari pusat berkaitan.

"Kebanyakan B40 yang mula bermiaga masakan dari rumah, rata-rata duduk di rumah pangsa, luas dapur yang sangat terhad, tetapi ada yang menerima pesanan secara dalam talian dalam sehari begitu banyak, cecah ribuan (pek).

"Jadi, kena ada satu tempat khas yang dipanggil 'Central Kitchen', bukan astaka makanan," jelasnya selepas merasmikan Program Memperkasakan Usahawan, Penjaja Kecil dan Koperasi Peringkat Daerah Barat Daya dekat Balai Rakyat Bayan Baru di sini pada 9 Ogos 2020.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bayan Lepas, Azrul Mahathir Aziz dan Pegawai Daerah Barat Daya, Mohd. Hafiz Aswad Nadzri turut berucap pada majlis tersebut.

Difahamkan, program berkaitan yang diadakan dalam dua sesi menerima penyertaan 193 peserta membabitkan dua sesi penganjuran dan ia akan diperluaskan ke Daerah Timur Laut, Seberang Perai Tengah (SPT) dan Seberang Perai Utara (SPU).

"Dengan perancangan berkaitan, sebelum hujung tahun (2020) ini, kita (Kerajaan Negeri) sasar paling kurang 450 peserta berdaftar meliputi kelima-lima daerah mengikuti Program Memperkasakan Usahawan, Penjaja Kecil (dan Koperasi) ini," Abdul Halim.

# UTC Komtar mula operasi

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF  
Gambar : LAW SUUN TING

**GEORGE TOWN** – Pusat Transformasi Bandar (UTC) pertama yang bertapak di Pulau Pinang memulakan operasinya pada 17 Ogos 2020 di Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar).

UTC yang dilengkapi dengan pelbagai kemudahan dan perkhidmatan dibuka kepada orang ramai tepat pada jam 8 pagi pada hari berkaitan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Komtar, Teh Lai Heng berkata bahawa daripada pengamatan beliau, semuanya berada dalam keadaan baik, namun, hasil maklum balas yang



PENGOPERASIAN UTC yang ditunggu-tunggu rakyat Pulau Pinang.

diterima daripada agensi-agensi berkaitan, beberapa isu perlu ditambah baik.

“Antaranya, masalah penyaman udara di kawasan dalam dan luar UTC yang dikatakan tidak begitu sejuk, kita (Kerajaan Negeri dan PDC Setia Urus) ambil maklum hal ini, dan pihak PDC Setia Urus akan mengaktifkan penyaman udara pada tempoh lebih awal selepas ini.

“Malah, adalah diharapkan beberapa jabatan dan agensi lain yang sepatutnya beroperasi supaya segera memulakan perkhidmatan masing-masing demi kemudahan rakyat secara menyeluruh,” ujarnya ketika mengadakan lawatan ke UTC bersama-sama Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif PDC Setia Urus, Sabarul Aswadi Abdul Jalil di sini.

Turut serta, Pengurus Kanan Pengurusan Harta Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), Roslan Hassan.

Sehingga 17 Ogos 2020, jabatan serta agensi yang beroperasi ialah Jabatan Imigresen Malaysia (Imigresen), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Pendaftaran Negara (JPN), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Tenaga Nasional Berhad (TNB), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Jabatan Penerangan Malaysia serta Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).



TEH Lai Heng (kanan sekali) mengadakan lawatan khas ke Klinik Kesihatan yang memulakan operasinya di UTC Komtar baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Lai Heng yang juga Setiausaha Politik kepada Ketua Menteri berharap pembukaan UTC di Komtar akan membawa limpahan pengunjung ke kompleks berusia 46 tahun tersebut.

“Pembukaan UTC di sini telah memperlihatkan beberapa perniagaan baharu beroperasi antaranya agen insurans, kiosk dan pesuruhjaya sumpah,” jelasnya.

## MoU perkukuh jalinan kerjasama hadapi normal baharu, jayakan inisiatif bandar raya pintar

**GEORGE TOWN** – Pandemik COVID-19 yang sedang melanda seantero dunia kini telah menjadi suatu titik perubahan dalam tatacara penyampaian perkhidmatan kerajaan.

Bahkan turut mengubah landskap industri dan perniagaan global dengan mengadaptasi teknologi digital dalam urusan harian.

Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo berkata bahawa perebakan pandemik COVID-19 telah mempercepatkan transformasi digital dan teknologi moden tanpa mengira sama ada dalam perkhidmatan kerajaan, industri maupun perniagaan di seluruh dunia.

“Sejak Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan pada Mac lalu, kita dapat melihat bagaimana tatacara penyampaian perkhidmatan dalam kerajaan berubah termasuk semasa sidang media diadakan.

“Suka saya maklumkan, bahawa Pulau Pinang merupakan negeri pertama dalam negara yang mana perkhidmatan bagi pihak berkuasa tempatan (PBT) 100 peratus dilakukan secara dalam talian.

“Malah, lain-lain jabatan serta agensi di negeri ini turut ikut sama mengaplikasikan penggunaan teknologi digital dalam penyampaian perkhidmatan masing-masing menjadikan ia lebih efektif dan inovatif.

“Inilah normal baharu...(pandemik) COVID-19 telah mengubah cara dan keperluan kita terhadap penggunaan teknologi semasa,” ujarnya ketika menyampaikan ucaptama pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman Antara Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan IBM Malaysia di sini 3 Ogos lalu.

Pengarah Urusan IBM Malaysia, Catherine Lian dan Datuk Bandar MBPP, Dato’ Ar. Yew Tung Seang turut berucap pada majlis berkaitan.

Terdahulu, Jagdeep menzahirkan penghargaan kepada IBM Malaysia dalam memperkuatkukan lagi jalinan kerjasama bagi menjayakan inisiatif bandar raya pintar dan penyampaian perkhidmatan

efisien.

Memorandum persefahaman yang ditandatangani berkaitan merupakan memorandum tahun kedua setelah kali pertama dimeterai pada Jun 2019 berjaya membawa transformasi terhadap pentadbiran kerajaan tempatan di negeri ini.

Antaranya penggunaan teknologi pengecaman wajah melalui kamera litar tertutup (CCTV), Projek Bandar Raya Pintar Pulau Pinang, hentian bas pintar, teknologi kawalan wabak enggi dan perpustakaan digital yang pertama dalam negara.

Difahamkan, menerusi kerjasama kali ini, IBM Malaysia akan menyediakan kepakaran serta perkhidmatan penyelesaian dalam bidang Pengkomputeran Awan (*Cloud Computing*); Kecerdasan Buatan (*Artificial Intelligence*); pelan blok dan pelaksanaan bandar raya pintar.

Dalam pada itu, Catherine Lian menyatakan bahawa pihaknya menumpukan terhadap perkembangan semasa pelbagai inisiatif bandar raya pintar seperti yang termaktub dalam visi Kerajaan Negeri Pulau Pinang iaitu Penang2030.

“Melalui kolaborasi ini, IBM Malaysia akan menjadi rakan kongsi bagi membolehkan MBPP menerima manfaat teknologi baharu untuk membantu dalam penyampaian dan kecekapan perkhidmatan awam seperti Pengkomputeran Awan, Kecerdasan Buatan, Internet Benda (*Internet of Things*) serta blok rantai (*Blockchain*).

“Bagi IBM Malaysia, tujuan kami adalah membantu bukan sahaja pihak kerajaan tetapi juga syarikat-syarikat lain untuk bertahan dan pulih semula selepas krisis kesihatan yang sedang melanda kini, melalui penggunaan teknologi digital,” katanya yang turut bersetuju bahawa pandemik COVID-19 menggeset semula trend penyampaian perkhidmatan semasa.

Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato’ Ir. Addnan Mohd. Razali dan Pengarah Hal Ehwal Kerajaan dan Kawal Selia IBM Malaysia, Hasrul Nadzrin Shah Abdul Halim turut serta dalam majlis berkaitan.



Ar. Yew Tung Seang (dua dari kiri) serta Catherine Lian (dua dari kanan) masing-masing menunjukkan dokumen ditandatangani sambil disaksikan Jagdeep Singh Deo (tengah) pada Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman antara MBPP dan IBM Malaysia di sini baru-baru ini.

## Tanah pertanian 147 ekar, PERDA tunggu ‘lampa hijau’ DOA

**PADANG LALANG** – Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow menyambut baik respons Pengurus Lembaga Wilayah Pembangunan Pulau Pinang (PERDA) yang masih menunggu ‘lampa hijau’ Jabatan Pertanian Negeri (DOA), sebelum menyerahkan 147 ekar tanah yang dimohon dekat Ara Kuda untuk tujuan meningkatkan jaminan keselamatan makanan negeri.

Beliau yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Pengangkutan dan Komunikasi memberi respons tersebut kepada pemberita selepas merasmikan Majlis Sambutan Hari Kemerdekaan Dan Kibarkan Jalur Gemilang dekat Rumah Pangsa Desa Wawasan di sini pada 29 Ogos 2020.

“Apabila saya melawat Taman Pertanian Ara Kuda dua bulan lepas, memang (ada) isu kekurangan tanah untuk pekebun-pekebun sayur.

“PERDA memang ada tanah di kawasan itu dan kita (Kerajaan Negeri) menyambut baik (respons Pengurus) PERDA yang sudi menyediakan

tanah itu untuk penyewaan pekebun-pekebun sayur.

“Jadi, kita (Kerajaan Negeri) tunggu keputusan supaya pekebun-pekebun dapat tanah yang lebih luas untuk bercucuk tanam,” responsnya yang juga Ahli Parlimen Tanjung merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Turut serta, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng yang juga ADUN Padang Lalang; Exco Perumahan, Kerajaan Tempatan, dan Perancangan Bandar & Desa, Jagdeep Singh Deo; ADUN Machang Bubuk, Lee Khai Loon dan Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Kheong.

Pada 15 Ogos lalu, Pengarah DOA Pulau Pinang, Muhammin Ibrahim dalam sidang media bersama-sama Kon Yeow menyatakan bahawa PERDA berhasrat menyerahkan 147 ekar tanah untuk diuruskan bagi tujuan meningkatkan kapasiti pengeluaran sektor jaminan makanan negara di negeri ini.

# Tidak patuh garis panduan kerja-kerja tanah, kompaun maksimum RM250,000

**GEORGE TOWN** – Pindaan ke atas Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) yang digazetkan 2 Julai lalu memperuntukkan kompaun maksimum sehingga RM250,000 bagi setiap kesalahan jika ingkar.

Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari berkata bahawa pindaan tersebut dibuat ekoran kadar ketidakpatuhan yang tinggi disebabkan penalti yang dikenakan sebelum ini adalah terlalu ringan.

“Undang-Undang Kecil yang baharu digubal ini adalah bertujuan menguatkuasakan Pelan Kawalan Hakisan dan Kelodak (ESCP) yang melibatkan tiga seksyen di bawah Akta 133 iaitu Seksyen 70A, 71 dan 121.

“Bagi Seksyen 121, sekiranya tidak mematuhi kehendak notis dikeluarkan pihak berkuasa tempatan (PBT) iaitu melibatkan kesalahan kecil, kompaun yang akan dikenakan untuk setiap kesalahan adalah minimum RM1,500 dan maksimum tidak melebihi RM5,000.

“Untuk Seksyen 70A, menjalankan kerja tanah tanpa kebenaran bertulis PBT atau tidak mengikuti Pelan Kerja

Tanah yang diluluskan, kompaun tidak kurang RM7,500 dan tidak melebihi RM25,000 (setiap kesalahan).

“Manakala bagi Seksyen 71, sekiranya gagal menyelia tapak sehingga menyebabkan keruntuhan cerun atau tembok penahan, kompaun tidak kurang RM75,000 dan tidak melebihi RM250,000 untuk setiap kesalahan boleh dikenakan,” jelasnya pada sidang media pengumuman pindaan Pewartaan Undang-Undang Kecil Mengkompaun Kesalahan-kesalahan di bawah Akta Jalan Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133) di sini 13 Ogos lalu.

Hadir sama, Exco Kebajikan, Masyarakat Penyayang dan Alam Sekitar, Phee Boon Poh; Pengarah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang, Ir. Shukri Muslim; Timbalan Pengarah Kejuruteraan bagi Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP), Mohd. Syukri Said dan Jurutera Kanan (Geoteknikal) Jabatan Kejuruteraan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mohd. Razif Mohd. Yusoff.

Terdahulu, bagi membendung masalah berkait dengan kerja tanah di tapak-tapak pembinaan, Kerajaan Negeri

telah memulakan Ops Lumpur sejak tahun 2017.

Menurut Zairil, pada tahun 2017, enam operasi telah dijalankan dengan ketidakpatuhan sebanyak empat kes.

“Bagi tahun 2018, daripada 18 operasi dijalankan, 18 kes didapati tidak mematuhi ESCP.

“Pada tahun lalu (2019) pula, daripada 77 operasi yang dilakukan, sebanyak 60 kali ketidakpatuhan telah dikenal pasti, walaupun kekerapan operasi telah ditingkatkan lebih 12 kali ganda berbanding dua tahun sebelumnya, namun kadar ketidakpatuhan ini masih lagi tinggi, iaitu lebih kurang 78 peratus.

“Antara sebab kadar ketidakpatuhan yang tinggi adalah penalti yang terlalu ringan kerana MBPP tidak mempunyai peruntukan kompaun bagi kesalahan-kesalahan tersebut, manakala di pihak MBSP pula hanya mempunyai peruntukan kompaun sebanyak RM250.

“Maka tidak hairanlah apabila pihak pemaju dan jurutera perunding tidak mengambil berat akan keputusan pelan ESCP,” ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga.

## PWEMP demi capai sasaran 40 peratus usahawan wanita menjelang 2030

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri berharap penyertaan usahawan wanita dalam perniagaan kecil dan sederhana di negeri ini bakal mencapai sasaran 40 peratus menjelang tahun 2030.

Serentak sasaran berkaitan, Exco Pembangunan Wanita, Keluarga, Keterangkuman Gender dan Agama Selain Islam, Chong Eng mengambil inisiatif melancarkan program bimbingan *Penang Women Entrepreneur Mentoring Program* (PWEMP) di sini 10 Ogos lalu.

Menurut beliau, PWEMP yang dirangka khusus sebagai platform untuk golongan wanita membina rangkaian serta mendapatkan bimbingan perihal perniagaan daripada mentor-mentor yang berpengalaman.

“Kini, adalah masa yang tepat untuk memperkenalkan program ini, Kerajaan Negeri sedia maklum akan cabaran ekonomi dihadapi masyarakat terutamanya komuniti usahawan wanita ekoran pandemik COVID-19.

“Inilah masanya untuk para usahawan wanita bangkit *Learn, Unlearn, Relearn...* tingkatkan pengetahuan tentang ilmu perniagaan serta teknologi baharu agar sentiasa di hadapan dalam dunia perniagaan yang bersaing hebat,” ujarnya pada sidang media pelancaran PWEMP bersama-sama Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato’ Abdul Halim Hussain.

Turut serta, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ong Bee Leng: rakan-rakan strategik antaranya JCI Pearl, NAWEM Penang, Pertubuhan Pembangunan Wanita Tamarai Pulau Pinang, Yayasan Kemajuan Sosial Malaysia, *WomenBizSENSE* serta rakan-rakan kerjasama iaitu *SME Corporation*, *Digital Marketing Consultation* dan *Penang Women Chamber of Commerce*.

Mengulas lanjut, Chong Eng menyatakan bahawa mengikut data kiraan terbaru tahun 2016 oleh *SME Corporation*, hanya 16 peratus atau 10,516 perniagaan di Pulau Pinang adalah dimiliki oleh golongan wanita.

Justeru, menurut beliau, untuk mencapai sasaran 40 peratus usahawan wanita pada tahun 2030, PWEMP akan bertindak sebagai salah satu pemangkin bagi mencapai Petunjuk Prestasi

Utama (KPI) tersebut.

“Kita memerlukan anggaran kira-kira 100,000 usahawan wanita berdaftar... ia adalah satu KPI yang mencabar, namun tidak mustahil dicapai kerana melalui PWEMP, kita telah mereka khas untuk menepati keperluan semasa.

“Ia termasuk modul pemasaran dalam talian atau *online marketing*, perniagaan alaf Revolusi Perindustrian 4.0 dan lawatan tapak ke kilang-kilang berkaitan.

“Sebagai tambahan, Kerajaan Negeri melalui PWDC telah menganjurkan Persidangan Wanita Dalam Ekonomi dan salah satu cadangan prosiding persidangan adalah menyediakan mentor bagi membimbing wanita (menti) yang ingin mula bermula atau mengembangkan perniagaan masing-masing.

“Jangka masa untuk setiap menti adalah enam bulan yang akan bermula pada Oktober ini yang mana mereka perlu melengkapkan latihan selama 96 jam sehingga selesai program pada Mac 2021,” ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang.

Pendaftaran untuk program PWEMP kini dibuka dengan yuran penyertaan sebanyak RM100 untuk menti-menti yang layak di bawah kategori isi rumah berpendapatan rendah (B40). Manakala, untuk menti daripada kumpulan M40 dan T20 yuran adalah RM600.

Pendaftaran boleh dilakukan secara atas talian melalui pautan di laman *Facebook PWEMP* dan *Facebook PWDC*. Manakala, borang bercetak boleh didapati di pejabat PWDC dan rakan-rakan strategiknya.

Mengulas mengenai program tersebut, selaku Exco bertanggungjawab, Abdul Halim menyambut baik inisiatif strategik berkenaan dan menyatakan komitmennya untuk menyokong serta memberikan kerjasama sebaik mungkin.

“Kita sentiasa mengalu-alukan mana-mana agensi yang berhasrat menggerakkan program keusahawanan termasuk membabitkan kaum wanita dan golongan muda.

“Saya yakin program PWEMP ini mampu mencapai sasaran 40 peratus usahawan wanita pada tahun 2030 memandangkan kini kita perlu menggerakkan kembali komuniti ke dalam ekonomi pada pasca COVID-19,” ulasnya sambil berharap agar program tersebut dapat dipanjangkan ke tahun-tahun akan datang.

## CAT Bridge alternatif rentasi Jambatan Pulau Pinang

**GEORGE TOWN** - Kerajaan Negeri Pulau Pinang mengumumkan tempoh percubaan bagi perkhidmatan bas percuma, ‘CAT Bridge’ sebagai laluan alternatif merentasi Jambatan Pulau Pinang.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Chow Kon Yeow berkata bahawa tempoh percubaan perkhidmatan tersebut akan bermula pada 1 September 2020 sehingga 31 Disember 2020, iaitu selama empat bulan.

“Sepanjang tempoh percubaan empat bulan ini, Kerajaan Negeri akan cuba mendapatkan maklum balas daripada orang awam berhubung perkhidmatan ‘CAT Bridge’.

“Kerajaan Negeri mengambil keputusan untuk memperkenalkan perkhidmatan (‘CAT Bridge’) ini, sesuai dengan usaha menggalakkan lebih ramai orang menggunakan perkhidmatan pengangkutan awam,” ujarnya pada sidang media di sini 25 Ogos lalu.

Menurut Kon Yeow, dengan pengenalan perkhidmatan ‘CAT Bridge’ ini, maka perkhidmatan bas *Bridge Express Shuttle Transit* (BEST) yang beroperasi di Zon Perindustrian Bebas (FIZ) akan dihentikan mulai 1 September 2020.

“Perkhidmatan ‘CAT Bridge’ ini akan beroperasi di FIZ dengan jumlah perjalanan (trip) sebanyak lapan *trip* iaitu empat ke kawasan FIZ A dan FIZ B, empat lagi ke kawasan FIZ C.

“Sebelum ini, iaitu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) hanya dua bas BEST FIZ digunakan ke kawasan perindustrian berbanding kini (percubaan) lapan *trip* pada waktu puncak iaitu antara jam 6 pagi hingga 8:15 pagi dan 4:50 petang hingga 7 malam,” katanya.

Dihadamkan, perkhidmatan bas FIZ A dan FIZ B bakal merangkumi kawasan FIZ 1, 2 dan 3 manakala bagi FIZ C pula merangkumi kawasan FIZ 4 dan Taman Perindustrian Bayan Lepas (BLIP).

Selain ke kawasan perindustrian, Kon Yeow memaklumkan bahawa perkhidmatan ‘CAT Bridge’ juga akan melalui beberapa kawasan tumpuan utama di bahagian pulau dan Seberang Perai.

“Perkhidmatan ‘CAT Bridge’ akan bermula di *pick-up point* di Hotel Blanket, Seberang Jaya sebelum ke *Megamall Penang* di Jalan Baru.

“Seterusnya akan merentasi Jambatan Pulau Pinang dan melalui pusat membeli-belah Queensbay; Hab Bukit Jambul di Jalan Tun Dr. Awang dan berakhir di Hab Bayan Baru dekat Persiaran Mahsuri dengan masa perjalanan bermula dari jam 6 pagi sehingga 11 malam setiap hari.

“Kekerapan pula antara 15 minit hingga 30 minit mengikut keadaan trafik semasa dengan menggunakan 18 bas berbanding perkhidmatan sebelum ini hanya antara enam hingga lapan buah bas sahaja,” katanya yang berharap perkhidmatan ‘CAT Bridge’ ini akan membolehkan orang ramai bergerak dengan mudah dan selesa antara Seberang Perai ke bahagian pulau.

Terdahulu, menjawab soalan pemberita berhubung peruntukan melaksanakan tempoh percubaan perkhidmatan ‘CAT Bridge’ ini, Kon Yeow memberitahu bahawa pihaknya masih menggunakan peruntukan terdahulu, hanya memperkenalkan perkhidmatan bas baru, iaitu ‘CAT Bridge’.

Mengenai mewujudkan laluan khas bas di Jambatan Pulau Pinang pula, Kon Yeow yang juga Exco Pengangkutan sebagai respons berkata bahawa buat masa ini tidak diperlukan memandangkan jumlah penumpang (*ridership*) sedia ada dan keadaan semasa yang tidak terlalu mendesak.

Dalam pada itu, orang ramai boleh menyalurkan sebarang maklum balas, pandangan mahupun pendapat berhubung perkhidmatan ‘CAT Bridge’ ini melalui Sistem e-Pintas Kerajaan Negeri atau melalui emel kepada *epintas@penang.gov.my*.

# Kempen Keselamatan Pejalan Kaki dipergiat

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) terus mempergiatkan kempen keselamatan pejalan kaki sekitar George Town dengan penambahan lima lagi lintasan pejalan kaki berkonsepkan garisan ‘zig zag’.

Menurut Exco Kerja Raya, Utiliti dan Tebatan Banjir, Zairil Khir Johari, konsep garisan ‘zig zag’ mungkin asing bagi warga Malaysia, namun ia digunakan secara meluas di negara-negara maju.

“Sebenarnya, projek ini telah dilancarkan pada akhir tahun lepas dengan satu projek perintis garisan ‘zig zag’ di Jalan Burma.

“Daripada satu yang kita buat itu sekarang kita ada enam (lintasan ‘zig zag’) dengan lima yang baharu... di Lebuh Light (hadapan Dewan Undangan Negeri, DUN), Lebuh Pantai (persimpangan Lebuh Bishop), Jalan Kampung Kolam (persimpangan Masjid Kapitan Keling).

“Dua lagi adalah di Jalan Penang (berdekatan persimpangan Lebuh Chulia) dan Persiaran Gurney berdekatan Anjung Gurney,” jelasnya pada sidang media dekat Jalan Gurdwara di sini 14 Ogos lalu.

Hadir sama, Ahli Majlis bagi MBPP, Tan Hooi Peng.



ZAIRIL Khir Johari menunjukkan contoh lintasan ‘zig zag’ yang diperkenalkan bagi menyemarakkan kempen keselamatan pejalan kaki sekitar George Town di sini.

Demi menyemarakkan lagi kesedaran awam, Zairil berkata bahawa MBPP turut mengambil inisiatif menayangkan video pendek di tiga pawagam TGV di Pulau Pinang secara percuma, sebelum tayangan filem bermula.

“Satu lagi inisiatif terbaru bagi kempen kesedaran awam ini adalah penayangan tiga video pendek di papan iklan LED sekitar George Town.

“Video-video pendek ini memaparkan beberapa mesej keselamatan jalan raya dalam



GARISAN ‘zig zag’ dekat Lebuh Light iaitu di hadapan bangunan DUN.

bahasa berlainan dan ditayangkan secara percuma melalui khidmat penyampaian awam MBPP bagi papan-papan iklan LED tersebut,” ulasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Tanjung Bunga.

Dalam pada itu, Hooi Peng memberitahu bahawa suatu kaji selidik yang dilakukan baru-baru ini mendapat 95 peratus responden sedar akan kewujudan garisan ‘zig zag’

dan bertindak memperlakukan kenderaan masing-masing di garisan tersebut.

Sebagai rekod, pada tahun 2017, pihak berkuasa tempatan (PBT) berkenaan turut melancarkan kempen ‘Pedestrian Is King’ yang bertujuan menjadikan bandar raya ini bebas halangan kepada pejalan kaki serta meningkatkan kesedaran awam dalam kalangan pengguna kendaraan.

## Undi 18 buka ruang belia tentukan hala tuju negara

**BERTAM** – Keputusan Kerajaan Persekutuan terdahulu (Pakatan Harapan) menurunkan had umur layak mengundi daripada 21 kepada 18 tahun adalah tepat pada masanya.

**MUHAMMAD ADAM ANUAR**, 20, ketika ditemui berkata bahawa Malaysia wajar mengikuti langkah negara-negara maju yang membenarkan rakyat mereka mengundi seawal usia 18 dan menjadi penentu dasar serta hala tuju negara.

Beliau yang baru menamatkan pelajaran peringkat diploma di Kolej Vokasional Butterworth berpendapat bahawa dalam era yang semakin terbuka ini, belia berumur 18 tahun dilihat sudah matang dan cukup dewasa untuk membuat keputusan.

“Saya amat bersetuju dengan keputusan ini kerana seiring dengan langkah negara maju yang benar-benar mengamalkan sistem demokrasi selain mampu mengubah mentaliti belia untuk lebih matang dan bertanggungjawab terhadap



negara.

“Dalam wawasan negara untuk melangkah ke arah negara maju, pembabitan belia adalah penting kerana golongan ini mempunyai idea baru yang lebih segar.

“Idea-idea baru ini sekiranya digabungkan dengan pengalaman orang-orang lama dan berjaya mencari titik persamaan maka negara sebenarnya berada di landasan yang tepat untuk mencapai status negara maju,” katanya ketika ditemui pada majlis penutup

Kempen Undi 18 Daerah Seberang Perai Utara (SPU) di sini pada 15 Ogos lalu.

Majlis penutupan program tersebut disempurnakan oleh Exco Belia dan Sukan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bagan Jermal, Soon Lip Chee.

Turut hadir, Pegawai Penyelaras Khas Parlimen Kepala Batas, Lay Hock Peng; Pengarah Pejabat Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Pulau Pinang, K. Raveendran Nair dan Timbalan Pengarah (Operasi)

Pejabat SPR Pulau Pinang, Hasrina Ma’Saud.

Dalam pada itu, Lip Chee dalam ucapannya sebelum itu menyatakan bahawa Kempen Undi 18 Daerah SPU yang dianjurkan oleh Perbadanan Pembangunan Belia Pulau Pinang (PYDC) adalah bagi meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kepentingan mengundi.

“Rakyat berumur 18 tahun mempunyai hak untuk mengundi bagi memilih Ahli Parlimen atau ADUN yang mereka rasa layak diangkat sebagai pemimpin bagi sesuatu kawasan.

“Justeru, program yang dianjurkan ini adalah untuk menyalurkan maklumat lengkap supaya mereka yang berumur 18 tahun dapat memahami tanggungjawab masing-masing serta mengetahui bagaimana untuk mendaftar sebagai pemilih dan seterusnya menjalankan tanggungjawab sebagai pengundi,” ujarnya.



MUHAMMAD Adam Anuar.

Pada program tersebut, para peserta diberi peluang mengemukakan pendapat serta cadangan berkaitan polisi kerajaan yang membentarkan had umur layak mengundi 18 tahun bagi pertimbangan SPR.

Pada 25 Julai 2019, Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2019 diluluskan di Dewan Negara dengan majoriti dua pertiga, 10 hari selepas diluluskan di Dewan Rakyat.

Dengan kelulusan pindaan terhadap Perlembagaan Persekutuan itu, pilihan raya pada masa hadapan bakal menyaksikan pengundi berusia 18 tahun dibenarkan mengundi dan menjadi calon berbanding usia 21 tahun sebelum ini, selain pendaftaran pengundi akan dilakukan secara automatik.

**BANCI MALAYSIA**

**7.7.2020 - 30.9.2020 (e-Census)**
  
**7.10.2020 - 24.10.2020 (Bersemuka)**

[www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)

**BANCI**  
**PENDUDUK & PERUMAHAN**  
**MALAYSIA**  
**DATA ANDA MASA DEPAN KITA**

**2020**

**1800 88 7720**

# Butterworth Digital Library bawa teknologi terkini pendidikan

Oleh : SUNARTI YUSOFF  
 Gambar : NOOR SITI NABILAH NOORAZIS

**P**ERPUSTAKAAN digital pertama di Seberang Perai, Butterworth Digital Library (BDL) kini dibuka sepenuhnya kepada orang awam.

Beroperasi di bangunan dua tingkat dekat Kampung Benggali, BDL merupakan perpustakaan digital keempat yang dibangunkan di negeri ini oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

Penolong Pegawai Teknologi Maklumat BDL, Nor Fazira Mat Salleh memaklumkan bahawa BDL menerima kunjungan kira-kira 200 pengunjung setiap hari sejak dibuka pada 15 Julai lalu.

“Pada hujung minggu (Sabtu dan Ahad), kehadiran pengunjung lebih ramai iaitu kira-kira 300 orang setiap hari.

“Jumlah pengunjung sebenarnya tidak ada had tetapi memandangkan kita masih dalam tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP), jadi terpaksa kawal bagi mengelakkan berlaku kesesakan,” katanya kepada Buletin Mutiara ketika ditemui di sini 3 Ogos lalu.

Nor Fazira menyatakan bahawa DBL menyediakan kira-kira 5,494 buah buku elektronik (*e-book*) dalam pelbagai genre yang boleh diakses oleh semua pengunjung yang datang ke sini melalui *tablet* yang disediakan.

“Sekiranya orang awam mahu mengakses buku-buku ini melalui laptop atau telefon pintar peribadi, mereka boleh mendaftar sebagai ahli (*e-book*) dengan bayaran RM60 setahun bagi orang dewasa manakala pelajar pula diberikan diskain sebanyak 50 peratus.

“Selain itu, pengunjung juga boleh meminjam dua buah buku (maksimum) dan perlu dikembalikan dalam masa tujuh hari,” jelasnya.

Tambah Nor Fazira, kemudahan lain yang turut disediakan di BDL adalah termasuk ruang belajar, bilik telesidang yang boleh memuatkan sehingga sembilan orang, bilik seminar serta dewan acara.

“Semua kemudahan ini terbuka untuk disewa kepada orang awam untuk pelbagai acara yang bersesuaian.

“Ruangan kanak-kanak juga disediakan untuk yang berumur empat hingga 12 tahun bagi memudahkan ibu bapa yang datang ke sini dengan anak-anak, tetapi mereka (ibu bapa) perlu memantau dan mengawasi anak masing-masing.

BILIK  
khas  
untuk  
kanak-  
kanak.

HASIL seni  
kreatif  
sebagai  
perhiasan  
dinding.



NOR Fazira Mat Salleh di kaunter utama BDL.



RUANG pembelajaran yang selesa dan moden.

“Bagi tempoh PKPP, setiap pengunjung yang hadir diwajibkan memakai pelitup muka, memeriksa suhu badan dan mengekalkan jarak fizikal,” ujarnya lagi.

Sebagai rekod, Pulau Pinang menjadi negeri pertama dalam negara yang membangunkan perpustakaan digital bermula dengan Penang Digital Library (PDL) fasa 1 dan fasa 2 sebelum diperluas ke kawasan Batu Maung (Batu Maung Digital Library) dan Seberang Perai (Butterworth Digital Library).

Selain ke arah mencapai status negeri pintar menjelang tahun 2030, pembinaan perpustakaan digital juga merupakan sebahagian daripada usaha Kerajaan Negeri untuk membawa teknologi terkini ke dalam bidang pendidikan dengan menyediakan bahan bacaan elektronik dan tanpa buku.

# MPKK Kampung Melayu, MPKK Terbaik 2020 DTL

Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

**GEORGE TOWN**—Permuafakatan dan komitmen tidak berbelah bahagi yang dipupuk dalam kalangan Ahli-ahli Jawatankuasa Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) menjadi kunci kejayaan MPKK Kampung Melayu apabila dinobatkan sebagai MPKK Terbaik 2020 bagi Daerah Timur Laut (DTL).

Pengerusi MPKK Kampung Melayu, Abdul Aziz Buhari ketika ditemui berkata, kejayaan merangkul Anugerah MPKK Terbaik 2020 bukannya kejayaan individu, sebaliknya hasil usaha semua pihak.

“Saya percaya kunci kejayaan kami ini adalah hasil permuaafakatan yang dipupuk dalam kalangan kami dan komitmen yang tidak berbelah bahagi semasa melaksanakan amanah serta tanggungjawab terhadap anggota masyarakat.

“Masyarakat sentiasa menjadi keutamaan kami, yang mana pihak kami sedaya-upaya membantu memajukan aktiviti pembangunan dan kebijakan masyarakat di peringkat kampung.

“Bukan itu sahaja, adakala hasil pendapatan yang kami peroleh, kami akan pulangkan semula kepada masyarakat melalui pemberian bantuan dan sebagainya.

“(Dan) secara tidak langsung,



IR. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman (barisan pertama, tiga dari kiri) menyampaikan hadiah penghargaan kepada wakil MPKK Desa Permata pada Majlis Anugerah MPKK Terbaik 2020 Daerah Timur Laut di sini baru-baru ini.

masyarakat pun akan suka dengan kerja kita buat serta memudahkan kerjasama dalam memastikan segala perancangan dilaksanakan dengan jayanya,” ujarnya kepada Buletin Mutiara sejurus Majlis Anugerah MPKK Terbaik 2020 Daerah Timur Laut di sini 18 Ogos lalu.

Selaku johan, MPKK Kampung Melayu membawa pulang piala pusingan berserta wang tunai RM3,000 dan sijil pengiktirafan.

Timbalan Ketua Menteri I, Dato’ Ir. Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman yang juga Exco Hal Ehwal Agama Islam, Pembangunan Industri dan Perhubungan Masyarakat hadir

menyempurnakan majlis berkaitan.

Ahmad Zakiyuddin dalam ucaptamanya memberitahu bahawa anugerah MPKK berkaitan diadakan sebagai pengiktirafan Kerajaan Negeri terhadap usaha yang ditunjukkan di peringkat komuniti.

“Kerajaan Negeri sentiasa menghargai dan memberi pengiktirafan kepada ‘barisan hadapan’ ini terutama ketika kita berdepan dengan pandemik COVID-19 sejak Mac 2020.

“Malah, Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sejumlah RM1.8 juta sebagai insentif kepada semua MPKK yang terlibat secara



ABDUL Aziz Buhari (kanan sekali) dan pasukannya menunjukkan trofi serta penganugerahan yang diterima.

langsung di lapangan yang mana insentif RM300 diberikan.

“Semua ini merupakan penghargaan serta pengiktirafan daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang,” katanya dalam majlis berkaitan.

Hadir sama, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lancang, Ong Ah Teong; ADUN Sungai Pinang, Lim Siew Khim; ADUN Komtar, Teh Lai Heng dan Pegawai Daerah bagi DTL, Rosli Halim.

Sementara itu, Buletin Mutiara sempat menemu bual ADUN Air Itam, Joseph Ng Soon Siang yang turut hadir memberi semangat dan meraikan kemenangan MPKK Kampung Melayu pada majlis berkaitan.

Menurut Soon Siang, beliau kagum melihat kesungguhan dan pencapaian MPKK Kampung Melayu

setakat ini.

“Misalnya dalam projek jangka panjang iaitu Mutiara Food Bank, mereka (ahli jawatankuasa MPKK) akan berusaha menyalurkan barang keperluan bukan sahaja kepada penduduk setempat bahkan juga dari luar yang menerima manfaat.

“Saya akui, MPKK Kampung Melayu merupakan antara organisasi yang aktif daripada segi kutipan sewa pasar malam dan pasar pagi di sini.

“(Dan) menggunakan pendapatan yang diperoleh untuk membantu penduduk di Kampung Melayu yang memerlukan terutamanya kelompok B40.

“Tahniah, teruskan usaha,” zahir Soon Siang teruja.

MPKK Lebuh Chulia dan MPKK Desa Permata pula masing-masing dinobatkan sebagai naib johan dan pemenang tempat ketiga.

## 988 penternak paling terkesan terima insentif

Oleh : NORSHAHIDA YUSOFF

**GEORGE TOWN** — Seramai 988 penternak yang paling terkesan ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak Mac lalu menerima insentif makanan ternakan bernilai RM200,000 daripada Kerajaan Negeri baru-baru ini.

Exco Pertanian & Industri Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan, Dr. Norlela Ariffin berkata bahawa insentif tersebut merupakan sebahagian daripada Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 bernilai RM76 juta yang diumumkan Kerajaan Negeri pada Mei lalu.

“Makanan ternakan ini diberikan kepada 829 penternak ruminan, unggas (116) dan khinzir (43).

“Jumlah peruntukan adalah sebanyak RM158.015 untuk makanan ruminan, unggas (RM20,880) dan khinzir (RM19,242.50).

“Mudah-mudahan semua insentif ini dapat membantu dan mengurangkan kesan yang dihadapi akibat penularan wabak COVID-19 dan Kerajaan Negeri secara konsisten akan melakukan segala yang mampu untuk menjaga kesejahteraan rakyat,” ujarnya pada Majlis Penyampaian Insentif Makanan Ternakan dan Makanan Tambahan Bagi Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 dan Penyampaian Bantuan Jabatan Bagi Tahun 2020 di sini pada 18 Ogos lalu.

Hadir sama, Pengarah JPVPP, Dr. Anun Man.

Serentak itu, pada majlis sama, seramai 49 penternak lain turut menerima pelbagai bantuan bernilai kira-kira RM537,000.



DR. Norlela Ariffin (tengah) dan Dr. Anun Man (barisan belakang tiga dari kiri) bersama-sama para penerima ketika Majlis Penyampaian Insentif Makanan Ternakan dan Makanan Tambahan Bagi Paket Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0 (COVID-19) dan Penyampaian Bantuan Jabatan Bagi Tahun 2020 di sini baru-baru ini.

Anun memberitahu bahawa bantuan tahunan yang diberikan kepada penternak terpilih bagi menaik taraf ladang masing-masing, membeli mesin, peralatan baru dan lain-lain.

“Ini adalah sebahagian daripada inisiatif Jabatan Perkhidmatan Veterinar untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan golongan berkenaan.

“Permohonan untuk program bantuan dibuka setiap tahun iaitu dari tempoh 1 Oktober sehingga 30 November, dan kepada mereka yang bermingat boleh hubungi Pejabat JPVPP terdekat,” ujarnya sambil memaklumkan bahawa empat penternak juga diberikan sijil khas daripada JPVPP ekoran premis masing-masing bebas daripada penyakit kuku dan mulut (FMD).

**PERIKSA TELUR SEBELUM GUNA!**

4 Cara mudah untuk kenal pasti tahap kesegaran telur

**RENDAM TELUR DALAM AIR**

**LIHAT KEADAAN KUNING DAN PUTIH TELUR**

**HIDU AROMA TELUR**

**PENGUNA DISARAN MELIHAT TARikh LUPUT JIKA ADA, PILIH TELUR YANG TIDAK RETAK DAN BERSIH DARI NAJIS**



# PHI memperkasa industri melalui kemahiran pensijilan halal

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri akan memudahkan proses rantaian pensijilan halal di negeri ini berdasarkan garis panduan sedia ada, selari dengan prosedur operasi standard (SOP) industri serta sektor perniagaan pasca COVID-19.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata bahawa pihaknya telah menyedari penularan pandemik COVID-19 sejak bulan Disember tahun lalu apabila ia mula menjelaskan hampir semua sektor termasuk industri halal negeri.

Namun, beliau yang juga Pengurus Penang Halal International (PHI) yakin bahawa industri berkaitan di negeri ini kian pulih kerana mempunyai jumlah pengguna yang besar, baik dalam kalangan umat Islam maupun bukan Islam.

“Sebelum berlaku pandemik COVID-19 di luar jangkaan kita semua, pada Mac 2018, eksport produk halal negara dilaporkan pernah diunjurkan meningkat lima peratus daripada RM43.3 bilion yang dicatatkan pada tahun sebelumnya (2017).

“Waktu itu, menurut Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC), terdapat permintaan yang begitu tinggi termasuk dari negara-negara bukan Islam seperti Singapura serta Republik Rakyat China.

“Walaupun ekonomi global belum beroperasi pada kapasiti sepenuhnya, kita (Kerajaan Negeri) yakin permintaan domestik terhadap produk-produk halal bakal kian meningkat kerana keyakinan pengguna baik beragama Islam maupun bukan Islam pada kualiti produk yang mempunyai pensijilan halal di tanah air ini,” jelasnya yang juga Ahli Dewan



ABDUL Halim Hussain.

menjelang tahun 2020 sekiranya dunia serta tanah air ini tidak berdepan pandemik COVID-19.

Justeru, tambah Abdul Halim, PHI ketika ini terus mengorak langkah dengan menjadi penyedia latihan yang berdaftar di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad Malaysia (HRDF) demi memenuhi keperluan pensijilan halal oleh pelbagai pihak industri.

Dalam pada itu, Ketua Pegawai Eksekutif PHI, Aida Lim Abdullah memberitahu bahawa bengkel selama tiga hari tersebut disertai 24 peserta yang terdiri daripada chef hotel, pegawai jaminan kualiti, pemilik syarikat serta para pengendali pensijilan halal.

“PHI telah merangka beberapa modul kursus serta latihan berkaitan pensijilan halal dan keusahawanan dengan bekerjasama rapat bersama-sama Bahagian Pengurusan Halal Pulau Pinang.

“Antara kursus yang ditawarkan oleh PHI kepada pihak industri ialah Kursus Latihan Intensif Halal, Kursus Asas Pensijilan Halal, Kursus Keusahawanan dan beberapa siri kursus lain.

“PHI juga membuka ruang seluas-luasnya kepada pihak industri untuk terus berhubung dengan pihak kami sekiranya ingin mengetahui dengan lebih lanjut tentang pensijilan halal dan pembangunan industri halal,” ulasnya.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pengurusan Halal bagi Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Pulau Pinang (JHEAIPP), Faizal Ibrahim turut serta acara perasmian bengkel tersebut.

Hubungi talian 04-262 5444 atau emel [admin@penanghalal.international](mailto:admin@penanghalal.international) untuk pertanyaan lanjut mengenai operasi pensijilan halal kendalian agensi negeri, PHI.

Dijangka Siap Pada Suku Pertama 2021

5%

Diskaun untuk pembeli Bumiputera

Rm 2.74 Juta

Harga daripada

Akses terus ke Jambatan Kedua Pulau Pinang

- Kawasan Binaan 5,565 kps dan 7,049 kps
- Permuatan Depan Yang Tinggi (5.4m)
- Laluan Alternatif Tanpa Tol (dari Nibong Tebal / Jawi ke Batu Kawan)

## KEMUNCULAN IKON PERINDUSTRIAN BAHARU DI BATU KAWAN

Produksi • Gudang • Ruang Pameran • Pejabat



GALERI JUALAN DIBUKA SETIAP HARI UNTUK KUNJUNGAN.

Pemaju:

Sparkle Selections Sdn Bhd Reg No: 200601009414 (729164-H)  
(Anak syarikat milik penuh Golden Land Berhad)  
A-09-03, Empire Tower, Empire Subang, Jalan SS16/1, 47500 Subang Jaya,  
Selangor Darul Ehsan, Malaysia. Tel: 03-5611 8844

[www.goldengateway.com.my](http://www.goldengateway.com.my)

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**016-429 2199**

**016-424 7199**



**GOLDENLAND**

Reg No: 199401012688 (298367-A)



# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>

Pentadbiran ini dalam usaha mengesan semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12464 : TEVAKI A/P MATHAVAN - 90070407**** NO.8 LORONG SERI KIJANG 15, TAMAN SERI KIJANG 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12471 : JASLINE A/P VEAGULAM - 91011907**** 1-18-18 JALAN VERTENARY, GEORGETOWN 10150 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12489 : LOCK WEI JIANG - 94051107**** NO.260 JALAN CEMPAKA 1, SELAMA 09810 PERAK	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12505 : ABDUL AZIM BIN ABD KADIR - 91060807**** NO.5785 MUKIM 16, JALAN GAJAH MATI, MACHANG BUBOK 14020 BUKIT MERTAJAM
No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12516 : AHMAD MUHAMAIM BIN AHMAD KHAN - 96100107**** 2-20-12 TAMAN MUTIARA VISTA, JALAN BAKAU 11600 GEORGETOWN, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12529 : FAZILAH BT CHE DIN - 64090607**** 245 JALAN 1/2, TAMAN DAMAI 09400 PADANG SERAI, KEDAH	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12530 : FAIQAH NABILAH BINTI NOORHAIDI - 96120707**** TS394 PERMATANG TENGAH 13500 PERMATANG PAUH, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12531 : FALAHIN NAJIAH BINT NOORHAIDI - 94122907**** 140 LEBUH MAHSURI, TAMAN MELATI 11950 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12533 : FARAH WAHIDAH BINTI MOHD FEKRI - 98021902**** NO.33 LORONG 4/7, TAMAN PAUH JAYA 13700 PERAI	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12534 : FATIN NOR AIFAA BINTI MOHAMAD ZAINI - 91050807**** NO.8266 KAMPUNG SELAMAT 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12542 : MUHAMMAD KHAIRIL BIN HAIRUL AZMAN - 98022207**** NO.13 HILIR NIBONG 1, BAYAN BARU 11950 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12557 : SITI HAJAR BINTI JA AFAR - 95013102**** BERSEBELAHAN 380, MUKIM 11, SUNGAI BATU, TELUK KUMBAR 11920 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12561 : SITI NUR SYAZWANIE BINTI SUHAINI - 98020707**** NO.5 LORONG HASSAN Abbas 2, TELUK BAHANG 11050 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12564 : SHAPEE BIN CHE EMBI - 66050707**** BLOK C-16-6, PANGSAPURI MELUR, JALAN 2/48A, BANDAR BARU SENTUL 51000 KUALA LUMPUR	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12565 : SHEILAWANIS BINTI ABDUL KARIM - 85010407**** 490 PINTASAN MAYANG 5, BUKIT GEDUNG 11900 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12567 : SIVERAJ A/L KATEREASIAN - 96121607**** BLOK 18-13-02 TINGKAT PAYA TERUBONG 2, TAMAN TERUBONG JAYA 11060 AYER ITAM, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12573 : NORHAMILAH BINTI OTHMAN - 73070507**** BLOK L-2 514A, JALAN TENGGIRI 13700 SEBERANG JAYA, PERAI	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12575 : NOOR AZMINA BINTI ABDUL RAZAK - 96090407**** BLOK 4E-3-19 , LORONG SEMARAK API SATU 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12598 : NURUL ZAHIRAH BINTI ZULKIFLI - 97080735**** NO. 90 JALAN SERI JENARIS 7/7, TAMAN SERI JENARIS 08600 TIKAM BATU, KEDAH	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12601 : NURUL FATIHIN BT MAT FAUZI - 98031305**** LOT 92A, KAMPUNG AIR PUTIH 09000 JUNJUNG, KEDAH
No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12616 : NURAINUL ALIYAH BT MOHD KHIRRUL ZAMAN - 97122907**** AKG 2-8 PERUMAHAN KASTAM, BUKIT GELUGOR 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12617 : NURUL ATIKAH BT OSMAN MYDIN - 97012707**** 2-11-5 TAMAN MUTIARA VISTA, JALAN BAKAU 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12622 : NUR LIYANA BT JOHARI - 93081107**** NO.1478 MUKIM 16, BUKIT TEH 14020 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12627 : NURAZWANI BT AB. JALIL - 92011607**** PLOT 11-B KAMPUNG TERSUSUN, JALAN PADANG BENGGALI 13050 TELUK AIR TAWAR, BUTTERWORTH
No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12632 : MUHAMMAD AMIN ZAHRAH BIN TAMIN - 98081007**** NO.98 JALAN GEMILANG 3, TAMAN GEMILANG 09600 LUNAS, KEDAH	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12638 : NUR UMMUHANI BT RAHAMATOOLA - 87041207**** BLOK 50-2-4 TAMAN KOPERASI, JALAN KURAU 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12663 : MUHAMMAD AZRAEI B. ZAINOL ABIDIN - 98080407**** BLOK 18-10 MUTIARA HEIGHTS, LINTANG HAJAH REIMAH 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12664 : MOHAMMAD NAIM BIN ISMAIL - 98012602**** 1709 PERMATANG TOK GELAM 13100 PENAGA, SPU
No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12665 : MUHAMMAD ZAID BIN HAJAMYDIN - 98022707**** B-G-12 DESA PERMAI INDAH , JALAN HELANG SUNGAI DUA 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12669 : MUHAMMAD AZRI BIN AZHAR - 97080302**** NO.310 GELUNG BUBU, SUNGAI DUA 13800 BUTTERWORTH	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12672 : MUHAMMAD ASHRAF BIN AZIZ - 94012714**** PLOT 1 JALAN BERTAM 13200 KEPALA BATAS, SPU	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12676 : NUR SYAQIRAH BINTI MOHAMED FOZI - 98091603**** NO.702 MUKIM A, SUNGAI PINANG 11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12677 : LINGGESWARY A/P VERESINGGAM - 96122107**** 1276 POKOK MACHANG 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12678 : PRAKASH A/L VERESINGGAM - 90091902**** NO.1276 POKOK MACANG 13300 TASEK GELUGOR, SPU	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12684 : CHEAH WAI LEONG - 68091707**** NO.151-M LEMBAH RIA, AYER ITAM 11500 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12694 : WONG WAI SHA - 96103107**** 1-07-02 TAMAN UTAMA , LINTANG MINDEN 2, 11700 GELUGOR, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12677 : KETHA A/PANANDAN - 91092008**** NO.5 BATU 32, JALAN TAIPING, BERUAS 32700 PERAK	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12678 : KETHA A/PANANDAN - 91092008**** NO. 5 BATU 32, JALAN TAIPING, BERUAS 32700 PERAK	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12684 : TEY POO SUAN - 74040907**** 151M HAPPY VALLEY 11500 AIR ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam Penjamin 1	: 12694 : WONG PANG SIONG - 62101506**** 1-07-02 TAMAN UTAMA, LINTANG MINDEN 2, GELUGOR 11700 PULAU PINANG

# TABUNG AMANAH PINJAMAN PENUNTUT NEGERI PULAU PINANG

Pejabat Setiausaha Kerajaan, Paras 25, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang Tel : 04-6505165 / 6505391 / 6505627 Fax : 04-2613453

Layarilah Laman Web : <http://www.penang.gov.my>



Pentadbiran ini dalam usaha mengesani semula peminjam dan penjamin mengikut senarai di bawah. Dipohon penama tersebut menghubungi pihak pentadbiran bagi tujuan pembayaran dengan kadar segera sebelum diambil tindakan selanjutnya. Orang ramai juga boleh tampil untuk memberi maklumat mengenai penama yang berkenaan.

(Sila abaikan notis ini jika pembayaran telah dibuat)

No Akaun Peminjam	: 12699 : MUNISWARAN A/L SHANMUGAM - 95033007**** NO.26-2 LORONG USAHANIAGA 2, TAMAN USAHANIAGA 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 12702 : NOOR LIYANA BINTI KHAIRUL AFENDI RAJENDRAN - 90070407**** 22 JALAN SEJAHTERA 6, TAMAN SRI JANGGUS 14000 BUKIT MERTAJAM	No Akaun Peminjam	: 12703 : MAGESWARI A/P MANIKUMAR - 75012607**** BLK 3-5-6 JULITA APARTMENT, LEBUH RAMBAU 17, 11660 PAYA TERUBONG, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12716 : LAILATULZAMZAM BINTI ABDULLAH SUHAM - 88050102**** 399 JALAN BM 1/17, BANDAR MUTIARA 08000 SUNGAI PETANI, KEDAH
Penjamin 1	: THILAGAVATHY A/P MUNIANDY - 69031907**** NO.26-2 LORONG USAHANIAGA 2, TAMAN USAHANIAGA 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: NORIAH BINTI HASAN - 65022107**** 22 JALAN SEJAHTERA 6, TAMAN SRI JANGGUS 14000 BUKIT MERTAJAM	Penjamin 1	: SOBENESWARY A/P BALAN - 78101307**** TOWER B, CENTRO AVENUE 22-13B, JALAN PERMAI, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MUHAMMAD ZUL FADZLAN BIN ABDULLAH SUHAM - 91082702**** 399 JALAN BM 1/17, BANDAR MUTIARA, SUNGAI PETANI 08000 KEDAH
No Akaun Peminjam	: 12731 : THAASHAIYNIE A/P PERIYASAMY - 96051307**** BLOK H-14-6, RIFLE RANGE FLATS, JALAN PADANG TEMBAK 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12741 : SITI NAZIHAH BINTI IBRAHIM - 94122407**** BELAKANG 430, MUKIM 1, TELUK BAHANG 11050 BALIK PULAU, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12776 : OOI AUN CHUAN - 96091007**** 75-9-23 SRI WANGSA, JALAN PENAWAR 1, 11600 JELUTONG, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12794 : KUSYALINI A/P SUBAS SENDRABOS - 94072307**** NO.12A LORONG SUTERA 4, TAMAN SUTERA 13700 PERAI
Penjamin 1	: SITAHRASI A/P M GOVINDASAMY - 62080107**** BLOK H-14-6, RIFLE RANGE FLATS, JALAN PADANG TEMBAK, 11500 AYER ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: IBRAHIM BIN MOHAMED - 64051107**** BELAKANG 430 MUKIM 1, TELUK BAHANG, BALIK PULAU 11050 PULAU PINANG	Penjamin 1	: WAN YOKE ENG - 72072207**** 75-9-23 SRI WANGSA, JALAN PENAWAR 1, JELUTONG 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: SHARILESH A/L SUBAS SENDRABOS - 91091007**** NO.12A LORONG SUTERA 4, TAMAN SUTERA 13700 PERAI
No Akaun Peminjam	: 12803 : LOGAPRIYA A/P PANDIAN - 94012107**** 9-8-5 TINGKAT PAYA TERUBONG 2, AIR ITAM 11060 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12827 : ALI SAIFUDDIN BIN ROSDI - 99021508**** 16-G-1, PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12890 : NUR SYAFIQAH BT KHAHAR - 98011507**** 17 TAMAN DR WU LIEN TEH, JALAN MASJID NEGERI 11600 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12898 : NABILAH HANIM BINTI MAHADZIR - 94121702**** 15 A JALAN HASSAN ABBAS, TELUK BAHANG 11050 PULAU PINANG
Penjamin 1	: SUJENDRAN A/L PANDIAN - 88121507**** 9-8-5 TINGKAT PAYA TERUBONG 2, TAMAN TERUBONG JAYA 11060 AIR ITAM, PULAU PINANG	Penjamin 1	: ROSDI BIN SIMOH - 64102307**** 16-G-1 PERMATANG DAMAR LAUT 11960 BAYAN LEPAS, PULAU PINANG	Penjamin 1	: KHAHAR BIN KARIM - 68041707**** 17 TAMAN DR WU LIEN TEH, JALAN MASJID NEGERI 11600 PULAU PINANG	Penjamin 1	: MAHADZIR BIN AHMAD - 67040507**** 15 A, JALAN HASSAN ABBAS 11050 TELUK BAHANG, PULAU PINANG
No Akaun Peminjam	: 12932 : NURUL FARINAH HASSANOL BINTI AHMAD - 94071707**** NO.9 JALAN IBBETSON, JALAN AIR ITAM 11400 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: 12939 : SHEIKH AIMAN FAIZ BIN SHEIK MOHD SAID - 95081607**** 440-A SUNGAI GELUGOR, GELUGOR 11700 PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	: SITI ILI AAINAA BT SHEIK MOHD SAID - 91093007**** 440 A SUNGAI GELUGOR 11700 GELUGOR, PULAU PINANG	No Akaun Peminjam	
Penjamin 1	: MOHAMAD FITRY HASSANOL BIN ZAKARIA - 83072607**** NO.9 JALAN IBBETSON, JALAN AIR ITAM 11400 PULAU PINANG	Penjamin 1		Penjamin 1		Penjamin 1	



## 17 UNIT RUMAH TERES 2-TINGKAT DENGAN REKABENTUK MODEN

### CIRI-CIRI ISTIMEWA


- Terletak di kawasan Sungai Dua yang sedang membangun.
- Berhampiran kedai-kedai, sekolah, balai polis, bank, pejabat pos, stesen minyak, restoran, pasar dan lain-lain
- 4 bilik tidur & 4 bilik mandi, ruang tamu, ruang keluarga dan ruang makan yang luas
- Anjung kereta untuk 2 buah kereta



HAKMILIK KEKAL



PELAN LOKASI



Tingkat Bawah-Jenis A Tingkat Bawah-Jenis B



Tingkat Atas Jenis A Tingkat Atas Jenis B



PEMAJU:

**LOYAL GREENWORLD SDN BHD**

1797-1-8A, Kompleks Auto World, Jalan Perusahaan, Juru Interchange, 13600 Prai, Penang.  
Tel 016-233 0233 • Faks 04-506 0631 • Emel [loyalgreenworld@gmail.com](mailto:loyalgreenworld@gmail.com)

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA  
DISKAUN 5% UNTUK BUMIPUTERA

(917790-V)

No. lesen pemaju: 13664-2/09-2020/0821(L)

Tempoh sah: 13/09/2018-12/09/2020

No. permit iklan & jualan: 13664-2/09-2020/0821(P)

Tempoh sah: 13/09/2018-12/09/2020

Jenis perumahan: Rumah Teres 2-Tingkat

No. pelan susunatur: MPSP/70/39-16/19 B.2

No. pelan bangunan: MPSP/40/20-16/27

Pihak berkuasa yang meluluskan: MPSP

Pajakan tanah: AMBANK (M) BHD

Hakmilik tanah: Pegangan Bebas

Jumlah unit: 17 unit

Tarikh dijangka siap: SEPTEMBER 2021

# Belia mampu corak pembangunan negeri

Oleh : WATAWA NATAF ZULKIFLI  
Gambar : DARWINA MOHD. DAUD

**PENAGA** – Exco Belia dan Sukan, Soon Lip Chee berharap agar kumpulan sukarelawan belia di Pulau Pinang terus memberi sumbangan dan impak kepada masyarakat.

Menurut beliau, dengan tenaga, idea baru serta kreativiti yang ada, beliau percaya sukarelawan belia di Pulau Pinang mampu mencorak pembangunan Pulau Pinang pada masa hadapan.

“Saya berharap anda semua akan terus aktif dalam program sukarelawan belia ini agar terus dapat memberi sumbangan berguna kepada masyarakat di luar sana.

“Seperti anda semua ketahui, objektif utama pengajuran *Youth Volunteer Team Building* ini adalah untuk memupuk semangat berpasukan serta daya kepimpinan anak muda demi pembangunan dan kesejahteraan Pulau Pinang kelak,” ujarnya pada pengajuran program *Youth Volunteer Team Building* di sini 22 Ogos lalu.

Program tersebut dihadiri 40 belia merangkumi aktiviti seperti *station game*, menyiapkan inspirasi seni logo *Youth for Future*, membina struktur gajet dan persembahan berkumpulan.

Mengulas lanjut, adalah menjadi harapan Lip Chee agar program tersebut mampu melahirkan belia sukarelawan Pulau Pinang

yang berdedikasi dalam memberikan perkhidmatan kepada masyarakat setempat, meningkatkan semangat patriotik di samping membina platform antara masyarakat.

“Ini adalah selaras dengan program sukarelawan belia Pulau Pinang yang dibagikan kepada tujuh kategori iaitu alam sekitar, pendidikan, kerja amal, bencana alam, pertolongan cemas, seni budaya dan sukan,” ulasnya lanjut.

**SOON** Lip Chee (kiri sekali) bersama-sama barisan jemputan dan wakil pengajuran menyempurnakan majlis perasmian *Youth Volunteer Team Building* di sini baru-baru ini.



## COVID-19: Pakej bantuan MBSP kurang beban penduduk

**SEBERANG JAYA** – Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mengumumkan pakej bantuan demi mengurangkan beban penduduk di Seberang Perai yang terjejas dek penularan pandemik COVID-19.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa pakej bantuan tersebut mengandungi tiga inisiatif iaitu pemberian lesen bertempoh kepada industri yang beroperasi tanpa kebenaran, promosi cukai taksiran serta promosi pengurangan kompaun.

Beliau berkata, melalui inisiatif pemberian lesen sementara, MBSP telah melonggarkan syarat kepada pemilik-pemilik kilang untuk mendapatkan lesen bertempoh selain dibenarkan memohon Pelan Kebenaran Merancang (PKM) serta pelan bangunan.

Tambah Rozali, tawaran tersebut adalah terhad dan dibuka mulai 1 September 2020 hingga 31 Disember 2020 sahaja.

“Sebanyak 468 kilang layak menyertai program pemutihan tetapi hanya 47 kilang atau 10 peratus sahaja yang memohon dan diluluskan, manakala baki 421 lagi tidak memohon atau permohonan mereka ditolak atas pelbagai alasan.

“Ekoran itu, MBSP meneliti halangan-halangan yang dihadapi oleh 421 pengilang ini bagi membantu mereka sesuaikan dengan suasana pandemik COVID-19 ketika ini selain dapat merancakkan kembali ekonomi negeri.

“Daripada jumlah itu, terdapat 339 kilang layak untuk dipertimbangkan lesen bertempoh dan dibenarkan memohon PKM serta pelan bangunan dengan syarat yang minimum.

“Justeru, pemilik-pemilik kilang diminta memanfaatkan peluang ini supaya mereka dapat meneruskan perniagaan khususnya dalam keadaan penularan COVID-19 ini tanpa risau tentang tindakan undang-undang,” katanya pada sidang media selepas memperkenalkan Mesyuarat Majlis Penuh MBSP di sini baru-baru ini.



**SR. ROZALI MOHAMUD** pada sidang media selepas memperkenalkan Mesyuarat Majlis Penuh MBSP di sini baru-baru ini.

masing-masing.

“Inisiatif ini adalah usaha ke arah mencapai bandar pintar, rendah karbon dan masyarakat tanpa tunai sebagaimana disasarkan oleh Ketua Menteri iaitu 50,000 transaksi tanpa tunai mesti berlaku di Pulau Pinang sebelum 31 Disember 2020,” ulasnya.

Difahamkan, sehingga 30 Jun lalu, sebanyak 4,959 transaksi bayaran cukai menggunakan kod QR yang mana RM1,562,781.05 berjaya dikutip pada tahun ini.

Mengulas lanjut, Rozali menjelaskan bahawa MBSP juga menawarkan pengurangan kompaun melibatkan kompaun dikeluarkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dengan kadar RM100.

Menurut beliau, pengurangan juga diberikan kepada kompaun yang dikeluarkan di bawah Undang-Undang Kecil MBSP (RM50) dan bagi kesalahan di bawah Perintah Lalulintas (Letak Kereta Berkupon) MPSP 1995 (RM5).

“MBSP memandang serius kes kompaun yang tidak dijelaskan ini kerana berdasarkan rekod, sebanyak 3,409 kes melibatkan kompaun letak kereta yang telah siap difailkan untuk dirujuk bagi tindakan pendakwaan di mahkamah.

“Selain itu, sebanyak 1,236 kes melibatkan binaan tanpa kebenaran dan 2,421 kompaun melibatkan perniagaan.

“Memandangkan berlaku penularan COVID-19 ketika ini, MBSP pertimbang untuk memberi ruang dan peluang kepada orang ramai untuk menjelaskan kompaun mereka,” tegaskannya.

## Normal baharu luaskan peluang perniagaan digital

**PERAI** – Penularan pandemik COVID-19 yang menuntut pembudayaan normal baharu dalam kehidupan masyarakat di seluruh dunia telah membuka lebih banyak peluang perniagaan secara digital.

Exco Perdagangan Antarabangsa & Dalam Negeri, Hal Ehwal Pengguna dan Pembangunan Keusahawanan, Dato' Abdul Halim Hussain berkata bahawa pemasaran digital merupakan salah satu cara berkesan untuk meluaskan pasaran perniagaan pada masa kini.

“Peniaga tidak boleh lagi hanya menunggu pelanggan datang ke premis perniagaan mereka kerana dalam keadaan sekarang masyarakat berada dalam ketakutan akibat penularan wabak COVID-19.

“Justeru, pergerakan yang terhad ekoran pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sebelum ini memberi pilihan kepada pengguna untuk beralih kepada trend membeli-belah secara dalam talian berbanding amalan tradisional sebelum ini.

“Oleh itu, pada pengajuran seminar kali ini, kita dapat bahawa ada peniaga yang menjalankan perniagaan secara *online* sahaja mampu mencapai jualan sehingga RM300,000 sebulan.

“Mereka ini yang kita mahu kenal pasti dan bimbing golongan berkaitan untuk mencapai tahap yang lebih tinggi berbanding apa yang mereka ada hari ini,” katanya kepada Buletin Mutiara selepas merasmikan program Kecoh COVID-19 Jom Go Online dekat sini pada 23 Ogos 2020.

Abdul Halim yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Maung memberitahu bahawa sehingga kini

seramai 1,600 usahawan telah memperoleh manfaat daripada pelbagai program serta seminar berkaitan perniagaan digital yang dianjurkan oleh Kerajaan Negeri.

“Daripada jumlah ini, 80 peratus usahawan adalah terdiri daripada orang muda dan 70 peratus adalah golongan wanita.

“Mereka ini telah memanfaatkan ilmu diperoleh daripada pelbagai program yang kita (Kerajaan Negeri) jalankan untuk meneruskan kelangsungan perniagaan semasa pelaksanaan PKP ini.

Dalam perkembangan berkaitan, Abdul Halim menjelaskan bahawa Kerajaan Negeri juga menyediakan peruntukan RM40 juta di bawah Skim Peka PKS khas kepada usahawan-usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di negeri ini.

“Skim Peka IKS dan PKS sebanyak RM30 juta sudah habis diagihkan manakala bagi sektor pelancongan pula masih berbaki kira-kira RM6 juta lagi untuk dibuka kepada pemohon.

“Justeru, bagi mereka yang menjalankan perniagaan berkaitan pelancongan seperti spa dan sebagainya masih boleh memohon peruntukan ini melalui Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) untuk meneruskan perniagaan mereka.

“Kerajaan Negeri juga masih meneruskan Skim Pinjaman Harapan (SPH) yang menawarkan pinjaman berjumlah RM3,000 hingga RM10,000 tanpa bayaran faedah bagi tahun pertama khusus untuk usahawan kecil di negeri ini,” jelasnya.



**ABDUL HALIM HUSSAIN** (tengah) merakam gambar kenangan bersama-sama sebahagian peserta pada pengajuran program Kecoh COVID-19 Jom Go Online di sini baru-baru ini.

# Giat kesedaran kurang hasil sampah

Oleh : SUNARTI YUSOFF  
Gambar : NOOR SITI NABILAH  
NOORAZIS

**BUKIT TENGAH** – Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melancarkan program pengumpulan barang permainan lama dan buku terpakai sebagai salah satu usaha untuk meningkatkan penjagaan alam sekitar.

Datuk Bandar MBSP, Dato' Sr. Rozali Mohamud berkata bahawa program yang dianjurkan bersama-sama *'Grow Market'* dan *'Autocity Juru'* itu mampu mewujudkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan '*'smart consumption'*' yang merupakan elemen bagi mengurangkan penghasilan sampah.

"Program pengumpulan barang permainan dan buku terpakai merupakan elemen '*'regift'*' (beri semula) dalam '*'Model MBSP Smart Consumption'*' bagi penjagaan alam sekitar.

"Barang-barang permainan terpakai yang dikumpulkan ini akan disumbangkan kepada kanak-kanak kurang berkemampuan yang dapat menggunakan semula permainan ini."

"Selain itu, buku-buku terpakai yang dikumpulkan pula adalah bertujuan mewujudkan sudut

bacaan oleh pemimpin-pimpinan masyarakat," katanya semasa melancarkan program tersebut di sini 9 Ogos lalu.

Hadir sama, Setiausaha Bandaraya MBSP, Ir. Rosnani Mahmud; Pengarah Urusan Autocity Group, Gary Teoh Kiang Hong; Pengarah Golden Highway Autocity Sdn. Bhd., Billy Ong Bee Lee serta pengajur Growth Market Autocity Juru, Chee Hui Yee.

Difahamkan, program pengumpulan barang permainan lama dan buku terpakai dilaksanakan bersama-sama *'Grow Market'* pada hari Ahad kedua setiap bulan dekat Autocity, Juru

dan kepada mereka yang ingin membuat sumbangan barang permainan dan buku terpakai adalah boleh hadir pada tempoh masa berkenaan.

Dalam pada itu, semasa bercakap kepada pemberita, Rozali memaklum bahawa MBSP kini di peringkat menyediakan '*'route map'*' bagi mewujudkan pusingan ekonomi (*'circular economy'*) yang dijangka akan dibentangkan pada Disember ini.

"Ini akan menjadi pusingan ekonomi pertama dalam negara dan ia perlu dipercepatkan bagi manfaat masyarakat," ulasnya.



ANTARA produk kitar semula yang dijual di *'Grow Market Autocity'*, Juru.

**SR. ROZALI MOHAMUD** (tengah) bersama-sama dif-dif jemputan menyempurnakan gimik pelancaran program pengumpulan barang permainan lama dan buku terpakai di sini baru-baru ini.

## Optimumkan penggunaan pasar awam

### PULAU BETONG

– Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) baru-baru ini membuka *'Request for Ideas (RFI)'* kepada umum bagi tujuan mengoptimumkan penggunaan pasar-pasar awam di bawah kelolaan pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan.

Datuk Bandar MBPP, Dato' Ar. Yew Tung Seang berkata bahawa sebagai memahami keperitan segelintir rakyat pada tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), MBPP memutuskan untuk mengoptimumkan kegunaan semua 28 pasar kelolaannya agar rakyat dapat menikmati manfaat daripada inisiatif berkaitan.

"Kini, bangunan pasar hanya beroperasi pada waktu pagi dan sangat lengang pada waktu petang serta malam.

"Oleh itu, MBPP telah membuka RFI untuk menggalaukan pandangan dan idea umum berhubung perniagaan atau aktiviti yang sesuai dikendalikan pada waktu lengang terbabit, sekaligus bagi membantu golongan yang terkesan," ujarnya pada sidang media dekat Dewan MakerSpace Balik Pulau di sini 8 Ogos lalu.

Tempoh RFI yang berlangsung dari 8 Ogos 2020 sehingga 15 September lalu memperlihatkan Pasar Awam Balik Pulau muncul sebagai pasar awam pertama yang mengambil bahagian dalam inisiatif ini.

Hadir sama. Setiausaha Bandaraya MBPP, Dato' Ir. Addnan Mohd. Razali.

Berhubung perkembangan situasi semasa penularan demam denggi dan jangkitan chikungunya, Tung Seang menyeru agar rakyat Pulau Pinang mengamalkan kebersihan dengan melakukan *'plog clean'* iaitu inisiatif mengumpulkan bahan-bahan buangan yang menjadi salah satu punca pembiasaan nyamuk aedes.

"Di peringkat MBPP, kita terus berusaha untuk membasmi pembiasaan nyamuk aedes dan menghentikan perekabakan jangkitan chikungunya melalui operasi *fogging*, pencarian serta pembersihan secara berkala," ulasnya.

### PERTANDINGAN MELUKIS POSTER BERTEMAKAN:

#### Penang Lawan COVID-19!



1. Penyertaan terbuka kepada mereka yang berusia 13 tahun dan ke atas.
2. Bebas menggunakan sebarang jenis bahan mewarna.
3. Saiz kertas lukisan adalah A3 (29.7 cm x 24 cm).
4. Lukisan grafik dan adaptasi menggunakan komputer adalah tidak dibenarkan.
5. Lukisan dan idea adalah hasil ciptaan sendiri.
6. Setiap set penyertaan perlu bertemakan "Penang Lawan COVID-19" beserta dengan logo dan hashtag #UntukNegeriKita #kitajagakita.
7. Borang butiran maklumat peribadi peserta perlu ditampal di bahagian belakang karya.
8. Penyertaan ahli keluarga terdekat barisan pengajur adalah tidak sah.
9. Semua karya adalah milik pengajur.
10. Tarikh tutup penyertaan, 30 September 2020.

PENANG 2030





HADIAH UTAMA  
RM 300

Sila isi butiran berikut:

Nama : .....  
No. Kad Pengenalan : .....  
Alamat : .....  
No. Telefon : (Rumah) ..... (Bimbbit) .....  
Emel: .....

Pastikan semua butiran diisi dengan lengkap.

PENANG 2020



Sila isi butiran berikut:

- Nama : .....  
 No. My Kid/ Kad Pengenalan: .....  
 Alamat: .....  
 Nama Ibu/ Bapa/ Penjaga: ..... (Bimbit) : .....  
 No. Telefon : (Rumah) .....  
 Emel: .....

Terma & Syarat Peraduan:  
 1. Mewarna : Peraduan dibuka dari **1 Ogos 2020** hingga **30 September 2020**.  
 2. Terbuka kepada kanak-kanak berusia 12 tahun dan ke bawah.  
 3. Hanya borang penyertaan sah boleh digunakan.  
 4. Peserta boleh menghantar seberapakah penyertaan.  
 5. Hasil lukisan akan menjadi hak penganjur.  
 6. Keputusan pengadil adalah muktamad.  
 7. Penyertaan ahli keluarga terdekat partisan penganjur adalah tidak sah.  
 8. Sebarang pertanyaan, sila hubungi 04-650 5704 / 650 5375 / 650 5256.  
 9. Alamatkan semua borang penyertaan kepada:  
 Buletin Mutiara, Peraduan Bakat Si Cilik - Mewarna,  
 Tingkat 47, Komtar, 10503 Pulau Pinang.

**Hadiiah:**

- Pertama:** RM250  
**Kedua:** RM150  
**Ketiga:** RM100  
**10 Hadiah Saguhati**